

"DAN lemparkanlah apa yang ada di tangan kananmu, nescaya ia menelan apa yang mereka perbuat, sesungguhnya apa yang mereka perbuat itu hanyalah tipu daya ahli sihir, sedang ahli sihir itu tidak akan beroleh kemenangan dari mana pun dia datang".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Thaha, ayat 69.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahabunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Operasi Peralihan dilanjutkan hingga 14 Januari 2022

Oleh : Nooratini Haji Abas

BERAKAS, Ahad, 12 Disember. - Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pengisytiharan Fasa Endemik, di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19, akan bermula pada Rabu, 10 Jamadilawal 1443 Hijrah bersamaan dengan 15 Disember 2021 Masihi.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Pandu COVID-19 bersidang bagi menetapkan sukat-sukat atau garis panduan pelaksanaan Fasa Awal Endemik (Early Endemic Phase), yang akan dilaksanakan selama satu bulan, bermula Rabu, 15 Disember 2021 hingga Jumaat, 14 Januari 2022.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan perkara tersebut, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, sekatan pergerakan, yang dilaksanakan semasa 'Operasi Peralihan', iaitu arahan untuk berada di rumah / kediaman masing-masing, dari jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi adalah dengan ini, dilanjutkan hingga Jumaat, 14 Januari 2022.

NBD BERALIH KE FASA ENDEMIK BERMULA 15 DISEMBER 2021



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan Khas bagi Tahun 1443 Hijrah / 2021 Masihi.

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud, Srinarawie Bidzah

Foto : Ihsan Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Dengan mengambil kira situasi yang ada sambil menerima hakikat kehidupan cara baharu, maka sudah tiba masanya untuk kita melangkah setapak ke hadapan untuk mengurangkan gangguan kualiti hidup yang ada, iaitu dengan memilih jalan lurus kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

"Maka, dalam hubungan ini, beta bertawakal kepada-Nya mengisytiharkan permulaan Fasa Endemik Negara pada Rabu, 10 Jamadilawal 1443 bersamaan

dengan 15 Disember 2021," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan Titah Perutusan Khas bagi Tahun 1443 Hijrah / 2021 Masihi, yang disiarkan di seluruh negara, malam tadi.

>> Muka 3

Negara catat kes terendah COVID-19

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mengesahkan kes baharu jangkitan COVID-19 terendah, hari ini, sejak gelombang kedua COVID-19 melanda negara pada Ogos lalu, iaitu lima kes baharu, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,348 orang.

Kenyataan itu, dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, terdapat tambahan empat kes baharu pada satu kluster aktif yang sedia ada, pada hari ini, yang merupakan kontak terdekat bersama beberapa kes positif sebelumnya.

>> Muka 3



Berita Utama



GARIS panduan Fasa Awal Endemik diumumkan

Muka 4



ARNEX 2021 tingkat kerjasama tentera laut ASEAN, Rusia

Muka 16



'HAK Awda, Peranan Awda : Katakan Tidak Pada Rasuah'

Muka 19



JANGAN AMBIL RINGAN, TERUS BERTAHAN SEHINGGA WABAK BERUNDUR

■ Oleh : Nur Amalia Alisha Daud, Srinarawie Bidzah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan, dari semasa ke semasa, kita terus mengikuti perkembangan jangkitan COVID-19 di negara ini.

Kita dapat menyaksikan jumlah jangkitan yang kadang kala memberi sedikit harapan, apabila jumlah kes harian kelihatan menurun. Namun ternyata, jumlah kes-kes ini tidak menentu dan amat sukar untuk diramal.

"Keadaan seperti ini kita tangani secara berterusan. Beta memahami, bahawa penularan jangkitan dan kesannya

kepada kesihatan, masih sahaja membimbangkan. Ia tidak boleh diambil ringan selama mana virus ini masih wujud di permukaan bumi," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan Titah Perutusan Khas bagi Tahun 1443 Hijrah / 2021 Masihi, yang disiarkan di seluruh negara, malam tadi.

Seiring itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menzahirkan rasa syukur dan juga terharu melihatkan kerjasama serta kesungguhan rakyat dan penduduk dalam sama-sama menangani musibah ini.

Titah baginda, strategi negara untuk terus bertahan sehingga wabak ini benar-benar berundur,

adalah harapan tertinggi kita.

"Sejak beberapa bulan lalu, kesan penularan tetap dirasakan. Sekatan-sekatan yang terpaksa dilalui semakin lama semakin berat untuk dihadapi. Misalnya kerana sekatan, kita sampai terputus hubungan dengan masjid, surau dan balai ibadat. Begitu juga kerana sekatan, sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian sampai menangguhkan operasi masing-masing," titah baginda lagi.

Menurut titah baginda, produktiviti ekonomi, perniagaan dan Perkhidmatan Awam juga tidak terkecuali turut terkesan oleh sekatan-sekatan yang dijalankan. Pendeknya, tidak ada yang terlepas daripada sama-sama menerima kesan.

Baginda dalam titah turut menekankan, sekatan-sekatan ini bukanlah dilakukan secara sewenang-wenang. Tetapi ia

adalah merupakan langkah-langkah kritikal, selaras dengan keupayaan dan kesediaan negara.

Perlu difahami, tegas titah baginda, berdasarkan trend dan statistik negara dan global, wabak ini dilihat tidak akan hapus sepenuhnya dalam masa terdekat.

"Namun, ini hanyalah 'jangkaan' jua, di mana setiap jangkaan itu tidaklah semestinya tepat. Yang betulnya, semua perkara adalah terpulang kepada Allah belaka. Jika Allah mahu, apa pun perkara, boleh sahaja berlaku.

"Nabi Allah Ayyub Alaihissalam, dalam sekian lamanya telah diuji oleh Allah dengan penyakit luar biasa, yang pada akhirnya, dapat dianggap sebagai tidak ada harapan lagi untuk sembuh, sehingga masyarakat dan

bahkan keluarga Baginda sendiri juga sampai lari meninggalkan Baginda. Tetapi setelah Nabi ini mengadu dan berdoa kepada Allah, maka Baginda telah dikurniakan kesembuhan, dan malah mendapat 'kelebihan' setelah sembuh itu," titah baginda lagi.

Inilah, baginda bertitah, antara 'petunjuk' mengenai kuasa Allah, dan sekali gus kita boleh menjadikannya sebagai sandaran, mengapa kita mesti terus berusaha dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdahulu, baginda turut menekankan sebagai negara yang berpegang teguh kepada ajaran agama Islam, kita menyempurnakan tanggungjawab dengan ikhtiar dan tawakal. Inilah dua bentuk usaha yang menjadi kunci kejayaan kita mencapai apa yang dihasratkan.



WAKTU SEMBAHYANG

DISEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	ISNIN	8	4.46	4.56	6.19	6.43	12.15	3.37	6.10	7.24
14	SELASA	9	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
15	RABU	10	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
16	KHAMIS	11	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
17	JUMAAT	12	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
18	SABTU	13	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
19	AHAD	14	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



ISNIN		SELASA		RABU	
Bandar Seri Begawan 31 25 °C 	32 25 °C 	32 25 °C 			
Pekan Bangar 30 24 °C 	31 24 °C 	32 24 °C 			
Pekan Tutong 30 24 °C 	31 25 °C 	32 25 °C 			
Kuala Belait 31 24 °C 	30 24 °C 	32 25 °C 			

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 13 DISEMBER 2021

Melangkah ke Fasa Awal Endemik dengan tawakal

PADA menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai pengisytiharan Fasa Endemik pada hari Rabu, 10 Jamadilawal 1443 Hijrah bersamaan dengan 15 Disember 2021 Masihi, yang disiarkan di seluruh negara, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan melangkah setapak ke hadapan untuk mengurangkan gangguan kualiti hidup yang ada, iaitu dengan memilih jalan lurus kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Endemik merujuk kepada penyakit atau wabak yang sentiasa wujud di sesuatu kawasan atau daerah tertentu. Ini termasuk penularan wabak dalam skop yang lebih besar seperti melibatkan sebuah negara.

"Maka dalam hubungan ini, beta bertawakal kepada-Nya mengisytiharkan permulaan Fasa Endemik Negara pada Rabu, 10 Jamadilawal 1443 bersamaan dengan 15 Disember 2021," titah baginda disambut dengan perasaan taat setia dan syukur kepada Allah oleh segenap pelusuk masyarakat atas kepimpinan bijaksana baginda dalam memastikan kesejahteraan semua terjamin.

Jawatankuasa Pandu COVID-19 juga telah bersidang bagi menetapkan sukat-sukat atau garis panduan pelaksanaan Fasa Awal Endemik (Early Endemic Phase) yang akan dilaksanakan selama satu bulan, bermula hari Rabu, 15 Disember 2021 sehingga hari Jumaat, 14 Januari 2022. Ini akan dapat membantu jawatankuasa berkenaan dalam membuat persiapan untuk beralih kepada fasa berikutnya di mana sekatan-sekatan akan terus dikurangkan sehingga kita akan dapat kembali kepada keadaan kehidupan sebelumnya dengan penerapan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Jawatankuasa juga mengingatkan semasa peralihan ke Fasa Endemik nanti, orang ramai untuk tidak leka dan hendaklah terus mematuhi SOP seperti menjaga penjarakan fizikal, memastikan jumlah kapasiti yang dihadkan, memakai sungkup muka, menjaga kebersihan, menggunakan aplikasi BruHealth secara mandatori, malah penggunaan ART adalah digalakkan sebelum memasuki premis-premis.

Pihak kerajaan menzahirkan penghargaan kepada semua agensi termasuk orang awam atas berkat kerjasama mereka dalam sama-sama mematuhi garis panduan kesihatan selama ini. Marilah kita terus berdoa dan sama-sama berusaha di samping bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya kita dihindari dan terselamat daripada penyakit wabak COVID-19. *Amiin Ya Rabbal Alamin.*

- Ketua Penyuntingan (Hb)

NBD beralih ke Fasa Endemik bermula 15 Disember 2021

>> Muka 1

Dalam fasa ini, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan, tidak dijanjikan jumlah kes menurun atau naik, dan tidak juga bermakna kita sudah berjaya atau tidak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan, kita masih sahaja dituntut untuk menitikberatkan kerjasama dan kepekaan dalam kalangan masyarakat dalam masa menjalani kehidupan norma baharu.

"Beta berharap, rakyat dan penduduk akan terus

meningkatkan tanggungjawab sosial dalam mendukung dan mematuhi usaha-usaha kerajaan. Walaupun fasa ini membolehkan orang ramai menjalani aktiviti-aktiviti harian seperti biasa, namun langkah berjaga-jaga masih sahaja diperlukan tanpa mengabaikan Standard Operating Procedures (SOPs) yang ditetapkan," titah baginda.

Tidak dapat dinafikan, titah baginda, perasaan bimbang atau khuatir terhadap penularan, masih sahaja ada.

Oleh itu, baginda mengingatkan, kita janganlah lalai daripada terus berhati-hati atau beringat-ingat. Keputusan untuk meneruskan kehidupan norma baharu adalah berasaskan

kepada kajian dan analisa saintifik serta data-data yang berkaitan.

Namun, titah baginda, pemantauan terhadap jangkitan akan tetap dilaksanakan, terutama kes-kes kritikal yang memerlukan pemantauan rapi dan bantuan alat tertentu.

Dalam masa yang sama, baginda bertitah, kita juga perlu kekal dan konsisten dengan amalan-amalan yang selama ini kita laksanakan, iaitu Sembahyang Hajat, membaca Al-Quran, berselawat, berdoa dan berzikir memohonkan rahmat Allah untuk membebaskan Brunei Darussalam daripada wabak koronavirus.

"Dalam kita bakal meneruskan

kelangsungan hidup dalam norma baharu, kita janganlah lupa terhadap mereka yang telah pergi buat selama-lamanya disebabkan kerana jangkitan. Beta sendiri turut bersimpati dan merasakan kesedihan yang amat mendalam di atas pemergian mereka itu.

"Beta juga terharu dengan kesabaran ahli keluarga yang tidak dapat mengebumikan atau membuat penghormatan terakhir kepada insan-insan tersayang akibat terhalang oleh pandemik," titah baginda lagi.

Baginda juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada petugas kesihatan, penjawat awam, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan

Bersenjata Diraja Brunei serta para sukarelawan yang telah menyumbangkan khidmat masing-masing.

Baginda juga turut memberikan penghargaan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini yang sentiasa berganding bahu melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dalam menangani wabak koronavirus.

"Marilah kita berdoa memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga keputusan untuk beralih kepada Fasa Endemik ini mendapat keberkatan serta segala perancangan dipermudahkan dan berjaya. *Amiin Ya Rabbal Alamiin*," titah baginda sebelum mengakhiri perutusan.

NEGARA CATAT KES TERENDAH COVID-19



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

dalam kalangan remaja berumur 12-17 tahun.

"Dengan itu, jumlah orang yang menerima satu dos vaksin COVID-19 ialah 404,940 orang, iaitu 94.2 peratus daripada jumlah penduduk negara. Manakala 378,609 orang melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, iaitu 88.0 peratus daripada jumlah penduduk negara," terang Yang Berhormat lagi.

Bagi Operasi Peralihan yang dijalankan, dari jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi tadi, lapan pelanggaran arahan, menurutnya, dikeluarkan denda kompaun, di seluruh negara, di mana tujuh daripadanya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

Dalam usaha untuk mengawal penularan wabak COVID-19, Yang Berhormat juga menyeru kita semua untuk memanjatkan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar Negara Brunei Darussalam terpelihara daripada segala musibah dan semoga rakyat juga penduduk di negara ini sentiasa dilindungi dan diberikan kesihatan juga keaktifan.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, tidak ada kluster baharu dikenal pasti, pada hari ini, dan dua kluster ditutup setelah tidak ada kes dikesan di dalam

kluster berkenaan selama 28 hari. Oleh yang demikian, jumlah kluster yang aktif adalah 99 kluster.

Seterusnya, terdapat satu kes baharu, jelas Yang Berhormat lagi, masih dalam siasatan bagi mengenal pasti sumber jangkitan.

Sebanyak 28 kes pula disahkan sembuh, pada hari ini, yang membawa jumlah kes yang sembuh, di negara ini kepada 14,973 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 275 kes.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyatakan, satu kes adalah dalam Kategori 5, yang sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif dan memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) juga bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (Extracorporeal Membrane Oxygenation - ECMO).

Sementara itu, tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 4, dalam kalangan kes-kes yang sedang ada dalam rawatan sekarang.

Dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 4,260 sampel diuji, bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 664,027 ujian.

"Pada 11 Disember 2021, sebanyak 4,628 orang telah menerima suntikan vaksin COVID-19, termasuk 4,040 orang



STATUS TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Pelajar lengkap vaksinasi bersekolah 3 Januari 2022

BERAKAS, Ahad, 12 Disember. - Sesi persekolahan bagi sekolah-sekolah, di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, akan bermula pada Isnin, 3 Januari 2022.

Manakala sekolah-sekolah antarabangsa pula, akan beroperasi mengikut kalendar persekolahan masing-masing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah memaklumkan perkara itu, dalam Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat menjelaskan, di mana pada sesi permulaan sekolah tersebut, hanya pelajar-pelajar yang melengkapkan

vaksinasi akan memulakan persekolahan secara fizikal dan pembukaan persekolahan seterusnya, akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, mengikut garis panduan yang disediakan.

"Keterangan lanjut mengenai perkara itu, akan diumumkan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, dalam sedikit masa lagi," tambah Yang Berhormat lagi.

GARIS PANDUAN FASA AWAL ENDEMIK DIUMUMKAN

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Ahad, 12 Disember. - Semua individu adalah dibenarkan masuk ke premis-premis, sama ada premis kerajaan atau swasta atau menghadiri majlis-majlis, tanpa mengira status vaksinasi, di mana ia adalah syarat am yang dikenakan bagi kemasukan ke premis-premis.

Walau bagaimanapun, individu yang belum melengkapkan vaksinasi adalah dikehendaki untuk membuat ujian saringan Antigen Rapid Test (ART), di mana tempoh pengesahan keputusan ujian adalah sah selama dua hari.

Sukat-sukat atau garis panduan bagi Fasa Awal Endemik tersebut diterangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Jelas Yang Berhormat lagi, kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun, yang belum menerima atau melengkapkan suntikan vaksin adalah dibenarkan masuk ke premis-premis tanpa memerlukan ujian ART, dengan syarat mereka ditemani oleh orang dewasa yang melengkapkan vaksinasi mereka.

"Sementara itu, syarat-syarat khusus pula, iaitu bagi perkumpulan ramai dan perkumpulan persendirian, had kapasiti adalah 75 peratus daripada kapasiti premis atau 300 orang sahaja (yang mana lebih rendah).

"Perkhidmatan bufet semasa acara-acara dan di restoran-restoran adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, hidangan meja secara *dome serving* adalah dibenarkan bagi acara-acara keramaian. Pemberian bungkusan pek makanan untuk para jemputan adalah digalakkan," tegas Yang Berhormat lagi.

Seterusnya bagi masjid, surau dan balai ibadat, pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama, tambah Yang Berhormat, akan menerangkan lebih terperinci mengenai pengemaskinian garis panduan bagi perkara itu, dalam sedikit masa lagi.

Menurut Yang Berhormat, pejabat-pejabat kerajaan, dibuka dengan had 75 peratus daripada kapasiti pejabat bagi pejabat-pejabat dan kaunter-kaunter perkhidmatan kerajaan, dengan melaksanakan Pelan Kesenambungan Operasi (BCP) masing-masing. Kapasiti ini, termasuk kemuatan bagi para petugas dan orang ramai.

Bukan itu sahaja, waktu pejabat, kata Yang Berhormat, adalah mengikut waktu pejabat seperti

biasa, iaitu bermula jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari; dan 1.30 petang hingga 4.30 petang.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, seterusnya menekankan, bahawa kakitangan kerajaan yang melengkapkan vaksinasi penuh hendaklah membuat ujian saringan ART secara berkala setiap dua minggu, di mana kos ujian adalah ditanggung oleh pihak kerajaan.

Tekan Yang Berhormat lagi, kakitangan kerajaan yang belum mendapatkan atau melengkapkan suntikan vaksin adalah dibenarkan kembali bertugas di pejabat masing-masing, dengan syarat mereka bekerja di ruang / kawasan yang tidak terdedah kepada orang ramai.

Walaupun bagaimanapun, mereka, ujar Yang Berhormat, dikehendaki untuk membuat ujian ART, di mana tempoh pengesahan keputusan ujian adalah sah selama dua hari.

Menyentuh tentang tanggungan kos ujian, jelas Yang Berhormat, iaitu kakitangan yang baru mendapatkan satu dos vaksin atau tidak boleh divaksinasi atas sebab perubatan, kos ujian ART akan ditanggung oleh pihak kerajaan; dan kakitangan yang memilih untuk tidak divaksinasi atas pilihan sendiri atau sebab peribadi pula, akan menanggung sendiri kos ujian ART berkenaan.

"Mereka perlulah mendapatkan ujian ART dan sijil pengesahan yang negatif melalui Pusat ART, yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan terlebih dahulu sebelum memasuki premis kerajaan," tambah Yang Berhormat.

Malah, orang ramai yang hendak datang berurusan ke pejabat-pejabat kerajaan atau kaunter-kaunter perkhidmatan, yang belum melengkapkan vaksinasi mereka, tegas Yang Berhormat, adalah dikehendaki untuk menunjukkan sijil keputusan ujian ART yang negatif, di mana tempoh setiap ujian ART adalah sah selama dua hari.

Bagi muzium, galeri, perpustakaan dan pusat-pusat kegiatan orang tua, kata Yang Berhormat, dibuka dengan had 75 peratus daripada kapasiti premis atau 300 orang sahaja (yang mana lebih rendah); dan waktu operasi bagi muzium, galeri dan perpustakaan tersebut adalah dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang.

Manakala, bagi fasiliti dan aktiviti kecergasan juga rekreasi pula, Yang Berhormat menjelaskan, bahawa kesemua fasiliti kesukanan, kecergasan dan rekreasi, sama ada terbuka atau tertutup adalah juga dibenarkan beroperasi dengan had 75 peratus daripada kapasiti premis atau 300 orang sahaja (yang mana lebih rendah), termasuklah sukan tidak



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa Sidang Media berkenaan.

berkontak (*non-contact sports*) adalah dibenarkan; sukan berkontak (*contact sports*) juga adalah dibenarkan, untuk tujuan *skills training* sahaja, namun perlawanan sukan tidak dibenarkan.

Yang Berhormat juga menekankan pemakaian sungkup muka, hendaklah dipakai pada setiap masa kecuali semasa melakukan aktiviti berintensiti tinggi.

Bagi premis-premis perniagaan termasuk restoran, kafe, *foodcourts*, panggung wayang, arked, taman permainan tertutup (*indoor playground*), premis-premis kecantikan (seperti salon dan kedai gunting), pasar dan tamu, fasiliti kesukanan dan sekolah muzik pula, ujar Yang Berhormat, dibuka dengan had kapasiti 75 peratus daripada kapasiti premis atau 300 orang sahaja (yang mana lebih rendah).

Dalam pada itu, Yang Berhormat sekali lagi mengingatkan kepada orang ramai, bahawa perkhidmatan bufet semasa acara-acara dan di restoran-restoran adalah tidak dibenarkan.

Walaupun bagaimanapun, hidangan meja secara *dome serving* pula, kata Yang Berhormat, adalah dibenarkan bagi acara-acara keramaian.

Menurut Yang Berhormat lagi, pemberian bungkusan pek makanan untuk para jemputan adalah digalakkan; dan para pekerja kritikal di pejabat / premis perkilangan yang belum melengkapkan vaksinasi adalah dibenarkan untuk bertugas, dengan syarat mendapatkan keputusan ujian ART negatif, di mana tempoh keputusan ujian adalah sah selama dua hari.

Pekerja berkenaan juga, tambah Yang Berhormat, hanya boleh ditempatkan pada ruang / kawasan yang tidak terdedah kepada orang ramai.

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ikuti perkembangan jangkitan dari semasa ke semasa

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan semasa mengurniakan Titah Perutusan Khas bagi Tahun 1443 Hijrah / 2021 Masihi, yang disiarkan di seluruh negara, pada 11 Disember 2021, dari semasa ke semasa, untuk kita terus mengikuti perkembangan jangkitan COVID-19, di negara ini.

Kerjasama, kepekaan jalani kehidupan norma baharu dititikberatkan

Dalam Fasa Endemik ini, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan, tidak dijanjikan jumlah kes menurun atau naik, dan tidak juga bermakna kita sudah berjaya atau tidak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan, kita masih sahaja dituntut untuk menitikberatkan kerjasama dan kepekaan dalam kalangan masyarakat dalam masa menjalani kehidupan norma baharu.

"Beta berharap, rakyat dan penduduk akan terus meningkatkan tanggungjawab sosial dalam mendukung dan mematuhi usaha-usaha kerajaan. Walaupun fasa ini membolehkan orang ramai menjalani aktiviti-aktiviti harian seperti biasa, namun langkah berjaga-jaga masih sahaja diperlukan tanpa mengabaikan Standard Operating Procedures (SOPs) yang ditetapkan," titah baginda.

Fasa Awal Endemik akan dilaksanakan selama 1 bulan

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pengisytiharan Fasa Endemik, di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19, akan bermula pada Rabu, 10 Jamadilawal 1443H bersamaan dengan 15 Disember 2021M.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Pandu COVID-19 bersidang bagi menetapkan sukat-sukat atau garis panduan pelaksanaan Fasa Awal Endemik (Early Endemic Phase), yang akan dilaksanakan selama satu bulan, bermula Rabu, 15 Disember 2021 hingga Jumaat, 14 Januari 2022.

Operasi Peralihan dilanjutkan

Sekatan pergerakan, yang dilaksanakan semasa Operasi Peralihan, iaitu arahan untuk berada di rumah / kediaman masing-masing, dari jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi adalah dengan ini, dilanjutkan hingga Jumaat, 14 Januari 2022.

Sukat-sukat bagi Fasa Awal Endemik

Semua individu adalah dibenarkan masuk ke premis-premis, sama ada premis kerajaan atau swasta atau menghadiri majlis-majlis, tanpa mengira status vaksinasi, di mana ia adalah syarat am yang dikenakan bagi kemasukan ke premis-premis.

Walaupun bagaimanapun, individu yang belum melengkapkan vaksinasi adalah dikehendaki untuk membuat ujian saringan Antigen Rapid Test (ART), di mana tempoh pengesahan keputusan ujian adalah sah selama dua hari.

Sukat-sukat atau garis panduan bagi Fasa Awal Endemik tersebut diterangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Pejabat kerajaan dibuka dengan had 75 peratus

Pejabat-pejabat kerajaan, dibuka dengan had 75 peratus daripada kapasiti pejabat bagi pejabat-pejabat dan kaunter-kaunter perkhidmatan kerajaan, dengan melaksanakan Pelan Kesenambungan Operasi (BCP) masing-masing. Kapasiti ini, termasuk kemuatan bagi para petugas dan orang ramai.

Fasiliti kesukanan, kecergasan dan rekreasi dibenarkan beroperasi dengan had 75 peratus

Bagi fasiliti dan aktiviti kecergasan juga rekreasi pula, kesemua fasiliti kesukanan, kecergasan dan rekreasi, sama ada terbuka atau tertutup adalah juga dibenarkan beroperasi dengan had 75 peratus daripada kapasiti premis atau 300 orang sahaja (yang mana lebih rendah), termasuklah sukan tidak berkontak (*non-contact sports*) adalah dibenarkan; sukan berkontak (*contact sports*) juga adalah dibenarkan, untuk tujuan *skills training* sahaja, namun perlawanan sukan tidak dibenarkan.

15,799 PAS KERJA TIDAK DISAMBUNG

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Ahad, 12 Disember. - Sejak penularan COVID-19 di negara ini, terutamanya pada tahun lepas, terdapat halangan untuk pekerja-pekerja asing untuk meninggalkan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan juga terdapat halangan di negara-negara asal mereka.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng ketika sesi soal jawab bersama perwakilan media mengenai dengan pekerja asing yang telah tamat kontrak pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat juga menambah bahawa pada waktu itu, terdapat kelonggaran telah diberikan kepada mereka yang telah tamat tempoh Pas Kerja dan ini tertakluk

kepada persetujuan antara pekerja dengan majikan untuk disambung Pas Kerja tanpa perlu balik ke negara asal.

"Pada hakikatnya memanglah menurut perintah pekerjaan seseorang pekerja yang mempunyai perjanjian untuk bekerja dengan majikannya selepas dua tahun akan balik ke negara asal mereka, jadinya perkara ini masih berjalan dan untuk tujuan ini dalam tahun 2020 dari Mac hingga Disember terdapat seramai 14,030 orang yang Pas Kerja mereka telah dibatalkan dan mereka balik ke negara asal mereka," jelas Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat lagi, pada tahun ini dari bulan Januari hingga November terdapat 15,799 Pas Kerja pekerja asing tidak disambung kerana kontrak mereka telah tamat dan projek mereka telah selesai dan ini adalah tujuan asas memang untuk mengawal



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Sidang Media tersebut.

kemasukan pekerja-pekerja asing di negara ini kerana untuk memastikan keberadaan mereka di sini menurut perintah pekerjaan dan adanya projek yang masih berjalan.

Jangan terlalu *iski*, patuhi SOP



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa sesi soal jawab pada Sidang Media tersebut.

BERAKAS, Ahad, 12 Disember. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengingatkan orang ramai agar jangan terlalu *iski* dan perlu masih mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan semasa peralihan ke Fasa Endemik nanti.

Ini kerana penularan dalam

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Hj Ahmad

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

komuniti masih ada dan ia masih dapat dilihat pada beberapa hari lalu, di mana terdapat jangkitan di rumah persendirian semakin meningkat.

Perkara seumpamanya perlu diberi perhatian sewajarnya, terutama sekali sekiranya mereka yang mempunyai kod merah, diharap untuk memberikan kerjasama dan memberikan maklumat yang telus mengenai status berkenaan kerana tanpa kerjasama, penularan akan terus berlaku.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan demikian pada sesi soal jawab semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Justeru itu, ujar Yang Berhormat, adalah perlu untuk kita sentiasa memeriksa status kod warna BruHealth dan menghidupkan *bluetooth*, bagi memudahkan lagi untuk menjejak sekiranya berlaku penularan.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, kita memang berharap kes

akan menurun dan kalau boleh sifar kes, tetapi ia agak mustahil walaupun jumlah kes pada hari ini adalah lima kes.

Tetapi kita perlu ingat, bahawa dalam masa beberapa hari lalu, jumlah kes adalah tidak menentu dan sudah setentunya mereka ini mempunyai kontak yang banyak, yang pada ketika ini mungkin sedang menunggu keputusan Uji Swab Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2).

"Sekiranya ada di antara mereka yang positif, kenaikan kes pasti akan berlaku apabila dilihat, dari segi jumlah yang meningkat.

"Jadi, dalam masa kita menuju ke Fasa Endemik, walaupun kes pada hari ini adalah rendah, apa yang penting adalah pihak kerajaan sudah membuat persediaan, terutama sekali dari segi vaksin dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

"Sekarang ini terpulang kepada rakyat untuk mematuhi garis panduan yang telah diberikan untuk memastikan kita dapat maju ke peralihan seterusnya, iaitu dalam Fasa Endemik," jelas Yang Berhormat.

Dibenarkan keluar negara, jalani 2 Uji Swab

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BERAKAS, Ahad, 12 Disember. - Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah dibenarkan keluar negara susulan dengan pengumuman 'Travel Green List', yang akan dilaksanakan semasa Fasa Awal Endemik.

Namun demikian, mereka perlu menjalankan Uji Swab Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2) dalam masa 48 jam dan Ujian Pantas Antigen (ART) dalam masa 24 jam sebelum mereka bertolak pulang, dengan keputusan negatif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menggariskan perkara tersebut, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

"Apabila mereka tiba di Negara Brunei Darussalam, RT-PCR SARS-CoV-2 akan dijalankan sekali lagi sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan mereka ini boleh mengasingkan diri di rumah sendiri, sementara menunggu keputusan Uji Swab RT-PCR SARS-CoV-2.

"Jika keputusan negatif, mereka boleh kembali melakukan tugas dan rutin harian seperti biasa.

"Jika mereka tidak melakukan sebarang RT-PCR SARS-CoV-2 dalam masa 48 jam, sebelum pulang dari luar negara, sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, mereka akan melakukan Uji Swab RT-PCR SARS-CoV-2 dan dihantar ke hotel yang diiktiraf Kementerian Kesihatan untuk pengasingan diri," terang Yang Berhormat.

Ini bermaksud, mereka mempunyai dua pilihan sebelum kembali ke NBD dari luar negara.

Sehubungan itu, dengan pengumuman 'Travel Green List' ini, pihak Penerbangan Diraja (RB) juga sudah boleh memulakan perancangan bagi empat buah negara, yang termasuk dalam senarai tersebut, mengikut permintaan orang ramai, yang akan bermula pada 1 Januari 2022.

Ingkar lakukan ART : Tidak dibenarkan ke pejabat, dikira tidak hadir bertugas

BERAKAS, Ahad, 12 Disember. - Bagi mereka yang belum divaksin atau tidak mahu divaksin, tetapi perlu bertugas semula seperti biasa adalah dikehendaki untuk menjalani ujian sendiri Ujian Pantas Antigen (ART).

Sekiranya mereka ingkar untuk melakukan ujian ART tersebut, mereka adalah tidak dibenarkan untuk memasuki pejabat, terutama sekali pejabat kerajaan dan mereka adalah dikira tidak hadir bertugas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menegaskan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menekankan, bahawa tindakan tatatertib yang bersesuaian juga akan diambil kerana mereka dikira tidak datang bertugas.

Menyentuh mengenai pengisytiharan memasuki Fasa Endemik dalam masa beberapa hari lagi, Yang Berhormat menegaskan tiada waktu ataupun *benchmark* yang sesuai untuk fasa tersebut kerana seperti yang kita ketahui negara kita sudah mencapai lebih 70 peratus jumlah penduduk yang telah divaksinasi, iaitu sebanyak 88 peratus yang menerima dua dos vaksinasi.

Sementara negara yang belum membuat pengisytiharan endemik, pencapaian jumlah vaksinasi mereka belum mencukupi kerana bekalan vaksin yang kurang mencukupi dan sebagainya.

"Kita melihat dari pelbagai aspek sebelum memasuki Fasa Endemik, seperti ada sukat-sukat, dari segi kes harian dan bilangan mereka yang dijangkiti berada di Kategori 4 dan Kategori 5.

"Mengikut perbincangan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19 juga telah memutuskan, bahawa negara kita sudah bersedia untuk memasuki fasa seterusnya," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, berkenaan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah yang belum menerima vaksinasi boleh memasuki mana-mana premis dengan ditemani oleh individu, seperti ibu bapa atau penjaga yang lengkap menerima vaksinasi dua dos.

Mereka juga boleh pergi bercuti atau *staycation* sekeluarga, tetapi masih perlu mengikut SOP yang ditetapkan, seperti menginap di hotel-hotel.

Kesalahan **premis** yang membenarkan mana-mana individu (termasuk pekerja mereka) yang belum melengkapkan vaksinasi untuk memasuki ke premis tersebut

DENDA

\$2000

BAGI SETIAP KESALAHAN

dikenakan kepada **pemilik** atau **pengurus premis**, atau **penganjur acara**

FASA PERALIHAN

PENGURANGAN SEKATAN PERJALANAN KELUAR - MASUK TIDAK MUSTAHAK MELALUI PENGANGKUTAN UDARA, BERMULA 1 JANUARI 2022

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Ahad, 12 Disember. - Pengurangan sekatan aktiviti rentas sempadan, iaitu pembukaan semula perjalanan antarabangsa keluar dan masuk negara (*outbound and inbound*) bagi perjalanan tidak mustahak (*non-essential travel*) melalui pengangkutan udara, akan bermula pada Sabtu, 1 Januari 2022.

Pembukaan ini adalah dengan syarat-syarat, iaitu bagi perjalanan keluar negara, hanya Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang melengkapkan dua dos vaksinasi, di antara 14 hari ke enam bulan, sebelum tarikh perjalanan atau yang menerima dos penggalak (*booster*), dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar negara tanpa memerlukan kebenaran perjalanan keluar negara dari Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyatakan demikian pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Terang Yang Berhormat, pada masa ini, program suntikan dos penggalak (*booster*) diberikan keutamaan kepada para petugas barisan hadapan dan individu berumur 50 tahun ke atas juga berisiko tinggi dan akan dibukakan kepada orang ramai yang layak menerima *booster*, bermula Jumaat, 17 Disember 2021.

Bagi Rakyat dan Penduduk NBD yang belum boleh menerima suntikan vaksinasi atas sebab kesihatan, mereka, ujar Yang Berhormat, boleh dipertimbangkan untuk perjalanan keluar negara atas sebab yang mustahak (*essential travel*).

Walau bagaimanapun, mereka, tambah Yang Berhormat, adalah dikehendaki untuk membuat permohonan kebenaran keluar negara daripada JPM terlebih dahulu.

Sementara itu, bagi perjalanan masuk ke NBD, hanya warganegara asing yang melengkapkan dua dos vaksinasi, yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization - WHO) adalah dibenarkan masuk ke negara ini.

"Walau bagaimanapun, sesiapa yang telah melengkapkan dua dos vaksinasi yang tidak diiktiraf oleh WHO, boleh dipertimbangkan untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam, atas urusan perjalanan mustahak (*essential travel*), tetapi akan dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat kesihatan bagi orang-orang yang tidak bervaksinasi, seperti ujian *swab* dan menjalani kuarantin," menurut Yang Berhormat.

Bahkan, semua individu, termasuk Rakyat dan Penduduk NBD yang hendak memasuki negara ini, kata Yang Berhormat lagi, adalah dikehendaki untuk mendapatkan keputusan negatif bagi ujian tambahan ART, yang diambil tidak melebihi 24 jam sebelum bertolak dari negara asal.

Menurut Yang Berhormat, itu adalah sebagai tambahan kepada

syarat mendapatkan keputusan negatif bagi ujian RT-PCR, yang dijalankan tidak melebihi 48 jam sebelum bertolak dari negara asal.

Walau bagaimanapun, bagi setiap Rakyat dan Penduduk NBD yang tidak dapat memenuhi syarat tersebut, jelas Yang Berhormat lagi, adalah dikehendaki menjalani pengasingan diri mandatori, di hotel penginapan yang diisytiharkan semasa kembali ke negara ini, pada sepanjang tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Mengenai Insurans Kesihatan Perjalanan yang meliputi pandemik COVID-19 daripada syarikat insurans yang berdaftar di negara ini, terang Yang Berhormat pula, adalah dikehendaki bagi setiap rakyat dan penduduk yang akan keluar meninggalkan NBD dan bagi warga asing yang hendak masuk ke negara ini.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, menambah, NBD akan memulakan Travel Green List semasa Fasa Awal Endemik secara percubaan bersama empat buah negara terlebih dahulu, iaitu Australia, China, Singapura dan United Kingdom, di mana akan membenarkan warganegara asing dari negara-negara berkenaan untuk membuat perjalanan tidak mustahak ke negara ini.

Walau bagaimanapun, mereka adalah dikehendaki menjalankan ujian ART, pada hari ketiga selepas sampai ke negara ini, melalui Pusat-pusat ART yang dibukakan.

"Sementara itu, mereka yang akan masuk ke Negara Brunei Darussalam adalah masih dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri, sama ada di tempat kediaman (ataupun di

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

hotel-hotel), bagi yang telah melengkapkan vaksinasi mereka; ataupun di hotel-hotel yang diisytiharkan, bagi yang tidak dibolehkan untuk bervaksinasi atas sebab kesihatan.

"Manakala perjalanan keluar dan masuk negara melalui pos-pos kawalan darat dan laut adalah masih ditangguhkan," tegas Yang Berhormat lagi.

Malahan, perincian lanjut mengenai syarat-syarat kesihatan, seperti ujian *swab* RT-PCR, ujian ART dan kuarantin, bagi perjalanan keluar dan masuk NBD,



menurut Yang Berhormat, akan dimaklumkan melalui garis panduan aktiviti rentas sempadan, yang akan dikeluarkan bersama garis panduan lain, dalam sedikit masa lagi.

"WALAU bagaimanapun, sesiapa yang telah melengkapkan dua dos vaksinasi yang tidak diiktiraf oleh WHO, boleh dipertimbangkan untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam, atas urusan perjalanan mustahak (*essential travel*), tetapi akan dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat kesihatan bagi orang-orang yang tidak bervaksinasi, seperti ujian *swab* dan menjalani kuarantin".

Keselamatan, keamanan rakyat, penduduk negara dipelihara

BERAKAS, Ahad, 12 Disember. - Fasa seterusnya, tertakluk pada indikator-indikator pemantauan semasa pelaksanaan Fasa Awal Endemik nanti, khususnya indikator epidemiologi, termasuk jumlah kes kritikal; kadar vaksinasi; dan kadar *bed occupancy*, di Pusat-pusat Pengasingan.

Justeru, Jawatankuasa Pandu COVID-19, akan seterusnya membuat persiapan untuk beralih kepada fasa berikutnya, di mana sekatan-sekatan akan terus dikurangkan hingga kita akan dapat kembali pada keadaan kehidupan sebelumnya, dengan penerapan norma baharu dalam kehidupan se harian.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, sukat-sukat pelaksanaan garis panduan fasa seterusnya, akan dimaklumkan pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Pihak kerajaan, tegas Yang Berhormat, sangat mengambil

berat akan kerisauan dan kekhawatiran orang ramai terhadap ancaman wabak COVID-19 semasa Fasa Peralihan, termasuk kesejahteraan kanak-kanak juga mereka yang belum melengkapkan vaksinasi.

Maka oleh itu, pihak kerajaan menurut Yang Berhormat lagi, melakukan sedaya upaya bagi memastikan langkah-langkah yang bersesuaian dibuat, bagi memelihara keselamatan juga keamanan rakyat dan penduduk negara ini, ke arah mewujudkan persekitaran yang aman damai juga harmoni, semata-mata untuk membolehkan negara ini untuk terus pulih dan keluar daripada situasi pandemik ini, juga sekali gus membantu pemulihan ekonomi dan perniagaan, dengan harapan gangguan minimal pada aktiviti harian masyarakat akan pulih secara beransur-ansur.

Dengan pengumuman itu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berhasrat dapat memberikan masa kepada pihak-pihak berkepentingan dalam membuat persediaan logistik sebelum bermulanya pemulihan-pemulihan yang ditetapkan, khususnya dalam memastikan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19.

"Semasa peralihan ke Fasa

Endemik nanti, orang ramai adalah diingatkan sekali lagi supaya tidak leka dan hendaklah terus mematuhi SOP, seperti menjaga penjarakan fizikal, memastikan jumlah kapasiti yang dihadkan, memakai sungkup muka, menjaga kebersihan, menggunakan aplikasi BruHealth secara mandatori, malah penggunaan ART adalah digalakkan sebelum memasuki premis-premis," tekan Yang Berhormat lagi.

Oleh itu, Yang Berhormat menyeru kita sama-sama mendukung hasrat kerajaan supaya kita semua sentiasa bekerjasama dan berjaga-jaga dalam mematuhi dasar, undang-undang juga garis panduan yang ditetapkan, untuk sama-sama mengawal wabak penyakit COVID-19, di negara ini.

Dalam masa yang sama, pihak kerajaan sekali lagi, ujar Yang Berhormat, ingin menzahirkan penghargaan kepada semua agensi, termasuk orang awam atas berkat kerjasama mereka, dalam sama-sama mematuhi garis panduan kesihatan selama ini. Marilah kita terus berdoa dan sama-sama berusaha, di samping bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya kita dihindari juga terselamat daripada penyakit wabak COVID-19. "Bersama Melindungi Negara Kitani".



Kementerian Kesihatan
MINISTRY OF HEALTH

Suntikan **AKSIN** COVID-19 diberikan secara **PERCUMA** kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam

www.moh.gov.bn | 148

35 KES BAHARU COVID-19 DISAHKAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

"Sebanyak 22 kes telah disahkan sembuh, pada hari ini, yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada 14,945 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 298 kes," jelas Yang Berhormat.

Dalam kalangan kes-kes yang sedang ada dalam rawatan sekarang, satu kes adalah dalam Kategori 5 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif dan memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) serta bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO). Sementara itu, tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 4.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, Yang Berhormat memaklumkan, bahawa sebanyak 2,148 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

membawa jumlah keseluruhan Januari 2020 kepada 659,767 ujian makmal dijalankan sejak ujian.

BERAKAS, Sabtu, 11 Disember. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengumumkan sebanyak 35 kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan, pada hari ini, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,343 orang.

Menurut Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, hari ini, terdapat tambahan 14 kes baharu pada lima kluster aktif yang sedia ada, pada hari ini, yang merupakan kontak terdekat bersama beberapa kes positif sebelumnya.

Sementara itu, terdapat empat kluster baharu dikenal pasti yang melibatkan 16 kes dan kesemua kluster ini merupakan kluster rumah, di mana Kluster Kedai Guntung Ajib Staff House adalah kluster rumah, yang menempatkan pekerja-pekerja syarikat tersebut.

Pada hari ini juga, Yang Berhormat memaklumkan, sebanyak lima kluster ditutup setelah tidak ada kes dikesan, di dalam kluster berkenaan selama 28 hari.

"Oleh yang demikian, jumlah kluster yang aktif adalah 101 kluster. Manakala terdapat lima kes baharu yang masih dalam siasatan bagi mengenal pasti sumber jangkitan.

كمتيرين كصيتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

INFO TERKINI KLUSTER AKTIF
WABAK COVID-19
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



11 DISEMBER 2021

87 peratus penduduk lengkapkan suntikan vaksin

■ **PADA 10 Disember 2021**, sebanyak 2,075 orang menerima suntikan vaksin COVID-19, termasuk 2,033 orang dalam kalangan remaja berumur 12 hingga 17 tahun.

■ **JUMLAH penduduk yang menerima satu dos vaksin COVID-19 ialah 404,834 orang**, iaitu 94.1 peratus daripada jumlah penduduk negara. Manakala 374,087 orang melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, iaitu 87.0 peratus daripada jumlah penduduk negara.

BERAKAS, Sabtu, 11 Disember. - Pada 10 Disember 2021, sebanyak 2,075 orang menerima suntikan vaksin COVID-19, termasuk 2,033 orang dalam kalangan remaja berumur 12 hingga 17 tahun.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Dengan itu, tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan, jumlah penduduk yang menerima satu dos vaksin COVID-19 ialah 404,834 orang, iaitu 94.1 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Manakala 374,087 orang melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, iaitu 87.0 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Bagi Operasi Peralihan yang dijalankan, dari jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi, sebanyak dua pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun, di seluruh negara, di mana kedua-duanya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

Yang Berhormat turut menyarankan untuk bersama-sama menyahut saranan pihak kerajaan dan mematuhi segala nasihat juga arahan yang dikeluarkan, dalam mengawal penularan wabak COVID-19, pada ketika ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Disember. - Majlis Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) terus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang awam dan juga warga KHEU berserta dengan keluarga masing-masing.

Berucap pada Majlis Malam Munajat bagi minggu ke-13, hari ini, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman meluahkan rasa syukur atas perjalanan majlis berkenaan dan akan meneruskan lagi majlis seumpama ini dan akan diperbaiki lagi perisiannya.

Yang Berhormat turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan terima kasih kepada penyelenggaraan Sembahyang Fardu Jumaat baru-baru ini di mana kehadiran jemaah mengikut perkiraan BruHealth telah meningkat kepada 88 peratus berbanding pada minggu-minggu sebelumnya.

Yang Berhormat juga berterima kasih kepada sukarelawan-sukarelawan; pasukan beruniform; Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan lain-lainnya dan bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyatakan semoga apabila kita beralih kepada fasa seterusnya; sama ada Fasa Peralihan ini akan bertukar atau beralih kepada Fasa Endemik dalam masa terdekat; semangat kesyukuran hendaklah diteruskan dengan beribadat ke masjid-masjid dengan kelonggaran yang akan disediakan seperti aktiviti takmir masjid dan sebagainya malah akan lebih ramai jemaah yang akan datang ke masjid.

Majlis Malam Munajat tersebut juga diserikan dengan kehadiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato

SEMANGAT KESYUKURAN HENDAKLAH DITERUSKAN



MAJLIS Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama terus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang awam dan juga warga KHEU berserta dengan keluarga masing-masing.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Turut menyertai majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Abd. Rahman dan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar

Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria.

Juga menyertai majlis, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Ra'es KUPU SB; pengarah-pengarah; pegawai - pegawai kanan; pegawai-pegawai; guru-guru dan kakitangan KHEU.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Seterusnya, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh

Pegawai Pelajaran di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah, KHEU, Pengiran Haji Khairul Ikhwan bin Pengiran Haji Alit dan diikuti dengan bacaan Doa Yaa Siin oleh Pegawai Pelajaran Ugama Kanan, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Aziman bin Haji Zaman.

Majlis Malam Munajat kemudiannya diisikan dengan Zikir Istighfar dan Taubah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidop dan diteruskan dengan bacaan Doa Memohon Terhindar Dari Wabak COVID-19 oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad

Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Asma'ul Husna dan bacaan selawat beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanil Bolkiah Rimba, Awang Haji Ahmad Eskandar bin Haji Abdul Hamid.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah.

Majlis Malam Munajat bertujuan untuk mengajak warga KHEU dan orang ramai untuk turut serta bersama-sama mendekatkan diri dan memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala, dengan bermunajat, beristighfar, membaca Surah Ya Siin, berzikir, berselawat dan merafakkan doa secara serentak beramai-ramai.

Dengan doa dan harapan agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam terhindar dan terselamat dari segala bala bencana dan penyakit berbahaya khususnya wabak COVID-19 yang melanda Negara Brunei Darussalam serta bacaan Asma'ul Husna dan bacaan selawat beramai-ramai.

Sama - samalah kita meningkatkan kewaspadaan kita dalam mencegah penularan wabak ini dan sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga negara kita akan dilindungi juga bebas daripada wabak berkenaan dengan izin-Nya jua.

Kekalkan pembacaan Al-Quran secara istiqamah

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

dengan Khatam Al-Quran bagi Program Nyah COVID-19 Ke-2, Tahun 2021.

Majlis diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom Meeting dan dihadiri oleh isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi selaku tetamu kehormat.

Para peserta khatam, terdiri daripada Kumpulan Muslimah Masjid UBD; Kumpulan Ketua-ketua Muslimah Daerah Brunei dan Muara; juga Kumpulan Muslimah MRA Masjid Kampung Pelakat Sipitang, Sabah.

Selain untuk terus merapatkan hubungan silaturahmi dan mengekalkan pembacaan Al-Quran secara istiqamah, majlis berkenaan juga merupakan dimensi baharu kepada para peserta bagi sama-sama memanfaatkan peluang yang ada supaya dapat menggunakan kelebihan teknologi baharu secara maya.

Dengan adanya majlis seumpamanya, semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kepada kita semua perlindungan, rezeki kesihatan, rezeki kebahagiaan, rezeki keamanan, dijauhkan daripada segala malapetaka, musibah wabak COVID-19 dan kita semua dapat menghadapinya dengan penuh reda, syukur, tenang juga sabar sambil kita berusaha untuk melawan dan menghalangnya daripada terus-menerus menular.



KUMPULAN Muslimah Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) semasa mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, yang diselenggarakan dengan Khatam Al-Quran bagi Program Nyah COVID-19 Ke-2, Tahun 2021.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Disember. - Kumpulan Muslimah Masjid Universiti

Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Al-Marhum Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, yang diselenggarakan

MEMPERKASA KEUPAYAAN BELIA LEBIH BERDAYA TAHAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan kumpulan syarikatnya, pada Majlis Pelancaran Sidang Kemuncak Pemerkasaan Belia BIBD (BIBD YES!) 2021.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Sidang Kemuncak Pemerkasaan Belia Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD YES!) 2021, bermula hari ini, dengan Majlis Perasmian, yang dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi BIBD dan kumpulan syarikatnya, secara maya, di sini.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dalam ucapannya mengenal pasti, bahawa kedayatahan dan keupayaan untuk menyesuaikan diri, pada waktu yang sukar adalah antara kemahiran penting yang harus diterapkan dalam diri belia tempatan, dalam mengharungi cabaran juga perubahan yang tidak dapat diramalkan.

Semasa menyampaikan ucapan perasmian pada Sidang Kemuncak itu, Yang Berhormat seterusnya menambah, bahawa generasi muda mempunyai keupayaan untuk membangun dan mentransformasikan negara,

dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sidang Kemuncak tersebut diharap akan dapat menyediakan platform yang bermakna untuk golongan muda di Negara Brunei Darussalam untuk belajar daripada teladan (contoh) yang cemerlang, dari dalam dan di luar negara, tentang cara mengurus kesukaran, cara menyokong perubahan dan juga cara berkomunikasi secara empati, keterbukaan dan kebaikan.

Menurut Yang Berhormat, dengan perbualan dan kesedaran yang semakin meningkat mengenai perubahan iklim dan kemapanan, golongan muda yang akan mempunyai tenaga, kreativiti dan idealisme untuk berada di barisan hadapan dalam perubahan dan inovasi.

"Media sosial dan teknologi baharu tertanam dalam kehidupan harian awda dan pengetahuan itu boleh digunakan untuk memangkin perubahan positif dan tindakan kolektif. Belialah yang berada dalam kedudukan utama untuk memacu transformasi positif, bertindak sebagai ejen utama untuk pembangunan dan kemajuan," tambah Yang Berhormat lagi.

Terdahulu, Pemangku Ketua Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman dalam ucapan alu-aluannya, melahirkan harapan agar BIBD YES! 2021 akan memberi inspirasi dan memperkasakan belia untuk menjadi ejen perubahan, usahawan dan inovator, di samping menggesa semua belia untuk melakukan tindakan sekarang kerana masa depan akan dibentuk oleh tindakan mereka.

BIBD YES! 2021 membawa tema, 'Developing Resilient Future Leaders' dan dibina berdasarkan momentum sidang kemuncak tahun lepas dijalankan secara maya.

Daripada jumlah penyertaan 32 institusi tahun lepas, BIBD YES! berkembang kepada sejumlah 66 institusi daripada pelbagai

perwakilan, dengan pendaftaran 965 pelajar secara keseluruhan. Tahun ini, acara itu turut dihadiri seramai 72 guru dan 20 peserta antarabangsa dari 15 buah negara.

Ketua Pegawai Pemasaran BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd Jaafar, dalam program menyelia BIBD YES!, menyatakan, bahawa BIBD memandang pendidikan dan pembangunan belia sebagai tonggak penting Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bank berkenaan.

Beliau menambah, bahawa sidang kemuncak itu adalah pelaburan untuk masa depan negara dan meluahkan rasa syukur kerana syarikat lain berkongsi sentimen yang sama, untuk berkumpul bersama dalam usaha yang bermakna ini.

Jumlah penaja untuk BIBD YES! 2021 meningkat dua kali ganda berbanding tahun lepas, walaupun menghadapi cabaran ekonomi. Kesemua lima penaja dari tahun lepas, meneruskan komitmen mereka untuk menyokong sidang kemuncak itu bersama-sama dengan lima syarikat tambahan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Aimi Sani

yang juga menunjukkan sokongan mereka.

Untuk tahun kedua berturut-turut, BIBD mengambil peranan utama sebagai penaja hos dalam usaha kerjasama untuk membantu membangunkan pemimpin masa depan yang berdaya tahan, bersama penaja platinum berganda : TotalEnergies Brunei; penaja platinum : Brunei Gas Carrier, Brunei LNG, CIC Environmental Services, Insurans Islam Taib dan Progresif.

Manakala penaja emas : Pusat Perubatan Jerudong Park dan penaja perak : Teck Guan Holdings dan McDonald's. Ini juga merupakan tahun ketiga Curious Mind menganjurkan acara pemerksaan belia ini dengan pengesahan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga sokongan Kementerian Pendidikan.

Pada tahun ini, Sidang Kemuncak, bermula pada 11 Disember, dengan aktiviti interaktif dalam tempoh tiga minggu dan akan melabuhkan tirai, pada 27


Disember nanti.

Seramai 180 daripada 880 peserta akan hadir sebagai peserta teras, dengan tanggungjawab tambahan projek kumpulan dan pembentangan dibantu oleh eksekutif kanan daripada setiap penaja sebagai mentor mereka.

Mentor belia pada minggu pertama, termasuk pengurus besar penaja platinum berganda, TotalEnergies Brunei EP (Brunei) B.V, Jerome Saniez, yang membimbing pasukan melalui topik, 'Emotional Intelligence and Grit' semasa sesi Breakout Meeting dan semasa sesi pembentangan.

Peserta teras, terdiri lebih daripada Centre for The Development of Gifted and Talented Education (EDGE), Kementerian Pendidikan.

BIBD YES! seterusnya akan diadakan pada 18 Disember ini. Orang ramai yang berminat untuk menyertai, bolehlah melayari laman sesawang www.bibdyes.com untuk maklumat lanjut.



ANTARA yang menghadiri Majlis Pelancaran BIBD YES! 2021.

Muhasabah diri, syukuri nikmat

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Jabatan Perancang Bandar dan Desa mengadakan Majlis Ceramah Khas sebagai antara acara Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada tahun ini yang diadakan secara maya, hari ini, di sini.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Ceramah Khas yang membawakan tajuk, 'COVID-19 : Allah Sayang', disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yusoff.

Ceramah tersebut antara lain menekankan pentingnya sentiasa bersangka baik COVID-19 sebagai ujian dari Allah Subhanahu Wata'ala, termasuk menghayati dengan penuh keinsafan beberapa hikmah di sebaliknya.


Justeru, perlunya kita semua sentiasa muhasabah diri dan

mensyukuri nikmat-nikmat yang diberikan seperti nikmat sihat, nikmat berkeluarga dan nikmat bermasyarakat selain perlunya untuk meningkatkan ketahanan diri dengan sentiasa bersabar dan merafakkan doa dalam menghadapi ujian yang diberikan.

Semasa menjalani Fasa Peralihan dan persiapan ke era endemik kelak di mana perlunya warga perkhidmatan awam khususnya untuk menyesuaikan diri dengan beberapa norma baharu.

Seterusnya, kandungan ceramah juga turut menekankan sifat tanggungjawab dan disiplin diri dengan menjadikan tugas kerja masing-masing sebagai amanah yang perlu ditangani secara hikmah dan bijaksana. Sesi ceramah juga turut mengongsikan beberapa doa harian untuk diamalkan.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



YANG Mulia Timbalan Menteri Pembangunan menyertai Ceramah Khas, 'COVID-19 : Allah Sayang', disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yusoff, yang diadakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia secara maya.

MOHON DOA AGAR NBD DIJAUHI WABAK COVID-19



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara antara yang menyertai Malam Munajat, yang diadakan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kiudang dan Pad Nunok, Tutong secara dalam talian.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Kiudang dan Pad Nunok

TUTONG, Sabtu, 11 Disember. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kiudang dan Pad Nunok, Tutong mengadakan Malam Munajat, pada 9 Disember 2021 secara dalam talian.

Majlis tersebut anjuran Biro Keagamaan, MPK Kiudang dan Pad Nunok, Tutong.

Hadir selaku tetamu khas, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung selaku Penasihat MPK Kiudang dan

Pad Nunok, Tutong.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Pemangku Pegawai Daerah Tutong; Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong; para pegawai kerajaan; Pemangku-pemangku Penghulu Mukim dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung; Ahli-ahli Persekutuan Pengakap; Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE); Ketua Persatuan BASMIDA; para belia IMPAK Daerah Tutong; Pegawai

JAPEM Tutong; para pegawai RTB; Muslimah Masjid Sengkarai; Ahli-ahli MPK Kiudang dan Pad Nunok; Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Kiudang dan Pad Nunok; dan penduduk Kampung Kiudang dan Pad Nunok, Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Pemangku Ketua Kampung Kiudang dan Pad Nunok, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali selaku Pengerusi MPK Kiudang dan Pad Nunok.

Majlis diikuti dengan bacaan Surah

Yaa Siin secara beramai-ramai, diketuai oleh Belia-belia MPK Pad Nunok, Awangku Muhd. Mirza Muazzam bin Pengiran Haji Masrul Aswadi; dan Awangku Muhd. Muzaffar Muazzam bin Pengiran Haji Masrul Aswadi.

Doa Memohon Terhindar Daripada Wabak COVID-19 dibacakan oleh wakil Belia MPK Kiudang, Muhammad Wafiuddin bin Haji Saifulbahri.

Seterusnya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pemangku Ketua Kampung Kiudang dan Pad Nunok, Awang Haji Saifulbahri.

Antara tujuan Majlis Munajat ini diadakan, bagi sama-sama memohon doa agar NBD dijauhi daripada wabak COVID-19 dan seluruh rakyat. Di samping itu, mengeratkan silaturahim dalam kalangan Ahli-ahli MPK bersama agensi-agensi kerajaan dan swasta juga penduduk kampung.

Marilah sama-sama *kitani* memohon keberkatan serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan bermunajat agar NBD terus dilindungi juga terhindar daripada sebarang bencana, bala dan wabak COVID-19.

22 peserta pelajari petua, teknik terbaik masakan Korea



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Royal Brunei Culinary (RBC) dan rakan kongsi acara, Mix Media menganjurkan A Virtual Culinary Journey; Cooking with Seoul bersempena dengan Brunei December Festival (BDF) 2021.

Acara julung kali dianjurkan ini turut mendapatkan sokongan penuh dari Kedutaan Republik Korea di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Acara Cooking with Seoul merupakan demonstrasi memasak dan kelas memasak, yang diadakan secara maya, dibukakan untuk orang ramai yang membeli

tiket melalui Brunei Events, dengan yuran penyertaan BND28 seorang.

Setiap peserta yang menyertai acara ini turut diberikan bahan-bahan untuk memasak, yang dihantar ke rumah peserta masing-masing, bagi merasakan sendiri pengalaman kulinari tersebut.

Dalam pada itu, hasil daripada yuran penyertaan berkenaan akan disumbangkan ke Brunei COVID-19 Relief Fund.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD, Tuan Yang

Terutama Kim Soung-eun.

Pengurus Kanan RBC, Alvin Voon dan Tuan Yang Terutama Kim Soung-eun, masing-masing turut menyampaikan ucapan alu-aluan kepada semua peserta yang menyertai acara secara maya itu, dengan ucapan terima kasih atas sokongan mereka terhadap acara masakan maya yang pertama ini dan menghargai kecintaan mereka terhadap masakan Korea dan Brunei.

Demonstrasi memasak, diketuai oleh Cef RBC, Dayang Samliwati binti Awang Haji Damit, yang mempamerkan dua jenis masakan terkenal Korea, dengan sentuhan rasa Brunei, iaitu Ayam Goreng Korea Yangnyeom Cili Padi; dan Beef Bibimbap Fusion Bowl dengan sos sambal istimewa, yang dihoskan bersama pengacara, DJ Tina dan tetamu selebriti istimewa jemputan.

Seramai 22 peserta yang menyertainya meraih pengalaman yang menyeronokkan, dengan hanya memasak dari rumah masing-masing, di mana mereka berpeluang memasak sambil beramal dan merasakan sendiri, hasil masakan mereka.

Melalui pertukaran budaya dan kulinari, penganjur acara



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam pada demonstrasi memasak yang diketuai oleh Cef Royal Brunei Culinary, Dayang Samliwati binti Awang Haji Damit, yang mempamerkan dua jenis masakan terkenal Korea, dengan sentuhan rasa Brunei, iaitu Ayam Goreng Korea Yangnyeom Cili Padi; dan Beef Bibimbap Fusion Bowl dengan sos sambal istimewa (atas kiri dan atas).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Royal Brunei Culinary

ini dihasrat agar dapat meningkatkan kesedaran kepada masyarakat Brunei mengenai masakan juga ramuan Korea. Di samping itu, memberikan petua dan teknik terbaik, dalam menyediakan resipi masakan Korea.

RBC berharap, ini adalah

permulaan pada pelbagai lagi acara memasak bersama secara maya, dengan kulinari dan resipi berbeza, pada masa akan datang.

Untuk maklumat lanjut, ikuti @royalbruneiculinary, di Instagram untuk mengetahui maklumat dan promosi terkini RBC.

سرورگي

چكه دان هيندري رشواه

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن سبئر-بئر تقوى يايث دغن منيغكتكن كيمانن كشدن. سسغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيهي الله ﷺ ايت ايله اورغ يغ فالينغ برتقوى. مدهمدهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ، برأوله كحيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمتي الله،

الله ﷻ تله ميدياكن دان مغورنياكن قلياكي سومبر رزقي دموك بومي اين اتوق مانسي برأوسها منجاري رزقي ترسبوت يايث دغن أوسها دان قدرة يغ تله دكورنياكن اوله الله ﷻ.

اوله يغ دمكين، دالم أوسها كيت منجاري رزقي، كيت هندقله سنتياس برهاتي-هاتي دان مغيكوت لندسن أجارن اكلام أكر سومبر رزقي يغ دفرأوليهي ايت تيدق دجماري اوله فركارا ۲ يغ تيدق دريضاي اوله الله ﷻ سقرت ملاكوكن قربواتن رشواه .سسغكوهن رشواه ايت مروفاكن اتارا قربواتن يغ كجي دان دلارغ دالم اكلام كيت. فرمان الله ﷻ سورة البقرة آية ۱۸۸:

تفسير:

دان جاعنله كامو ماكن هرثا (اورغ لاي) اتارا كامو دغن جالن يغ باطل دان جاعنله كامو مفهولوركن هرثا كامو (ميري رشواه) كغد حاكم سقاي كامو دافه مغمبل سبهاكين درقد اورغ دغن جارا برپوات دوسا قد حال كامو مقتهوي ساهن.

جماعه يغ درحمتي الله،

رشواه اداله سوات قميرين بروفا سوكون يغ دبريكن كغد سسبورغ دغن سبب ترنتو باكي مبولهن فركارا يغ دحاجي دافه دفرأوليهي، دسليكن، دسكراكن دان ساومقمان. الله ﷻ ملارغ قربواتن رشواه كران اي بوله:

قرتام: منوتوف مولوت مانسي دري بركات بئر.

كدوا: مغوتوركن جيوا يغ برسيه.

كتيك: ميوك قيتو ۲ رهسيا.

كامقت: منجاديكن اورغ يغ اخلاص ايت خيانه.

كليم: ممبركن سسوات يغ ساهه دان مياهن سسوات يغ بئر.

رسول الله ﷺ دالم حديث بكندا ميتاكن بهوا اورغ يغ ميري دان منريما رشواه ايت دلعة الله ﷻ. درقد عبدالله بن عمرو رويته،

رسول الله ﷺ برسيدا: لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي

مقصود:

لعة الله كاتس قميري رشواه دان فريما رشواه. {حديث رواية إمام ابن ماجه}

جماعه يغ درحمتي الله،

كجلا رشواه مروفاكن فياكيت مشاركة يغ برلاكو تنفا مغبرا كولوغن اتوفون كدودوقن دالم سموا لافيسن مشاركة دمان-مان نكارا ددنيا اين. كسن دان ايتقليكسي كجلا رشواه ايت ترهادف سوسيال، ايكونومي، قوليتيك دان بوديا بوله مغهيريت اينديديو، مشاركة، بقسا دان نكارا كغد بنجان دسييكن صفة طمع دان كراكوسن كواس مانسي ايت سنديري.

سسغكوهن اورغ يغ ملاكوكن كساهن منريما رشواه اداله اورغ يغ تيدق أمانه دالم منجالكن توكس مريك. هان كران سوافن اتوفون قميرين، مريك سغكوف مقحيانني ماجيكن يغ مفرجياي مريك اتوق منداقتن كسغن اتو كميواهن دغن موده.

باكي يغ ملاكوكن كساهن ميري رشواه قول، مريك تيدق جوجور، منتيغكن دري سنديري دان مغمبل جالن موده دالم منداقتن سسوات يغ بوكن ميلىق مريك دغن ميري سوافن اتو قميرين كغد سسياف سهاج أكر اينديديو ايت دافه ملاكوكن اف يغ دماهوكن.

ايغته، بهوا رشواه ايت تيدق قرنه منجايكن كسغن دان كميواهن يغ سبئر. والوفون كيت مفرأوليهي كاوتنوغن يغ ساعة بسر درين. اين كران حاصل يغ دفرأوليهي ملالوي عملن رشواه ايت اداله حرام. سباكي أومة اسلام، كيت هندقله منجكه دان مغهيندركن دري كيت درقد قربواتن رشواه يغ دنكه دان دلارغ اوله الله ﷻ.

جماعه يغ درحمتي الله،

برسمقا مقرايغي هاري اني رشواه اتارايقسا يغ دمبيوت ستيث تاهون قد ۹ هاريبولن دسييمير. ماريله كيت برسام-سام بركرجسام دان بركنديغ باهو دالم ممرغي كجلا رشواه دغن ملافوركن ككياتن ترسبوت قد بيرو منجكه رشواه سكيران كيت مقتهوي اتوفون مقوياي سبارغ معلومات مغنابن.

أخيرن، ماريله كيت بردعاء سقاي كيت دجاوهكن دان ترهيندر درقد ملاكوكن قربواتن كجي سقرت رشواه يايث دغن سنتياس مناعكن سيكف أمانه، جوجور دان اخلاص دالم ستيث توكس دان فكرجان سرت سنتياس تولوغ-منولوغ دالم فركارا كبايكن دان منجكه دري برپوات كجاهتن. مدهمدهن دغن يغ دمكين كيت اكن منداقة كريضان، كبركن دان رحمة يغ برفنغن درقد الله ﷻ. آمين يا رب العالمين.

تفسير:

دان تولوغ-منولوغه كامو دالم كبايكن دان كسقوان دان جاعنله تولوغ-منولوغ دالم دوسا دان فرموسوهن (ملفكر حكوم ۲ الله). دان برتقوى له كغد الله. سسغكوهن الله ساعة برت سيقسان. {سورة المائدة آية ۲}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنجَاةِ النَّاسِينَ.

TONJOLKAN PENGUSAHA BERBAKAT, KREATIF

■ Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) melalui Community for Brunei akan melancarkan Program 90 Days of Community sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengumpulkan masyarakat setempat untuk menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Program tersebut bertujuan untuk menyemai semangat keusahawanan, menonjolkan kreativiti perniagaan tempatan juga menyediakan peluang kepada pengusaha yang berbakat kreatif untuk mencapai pelanggan yang banyak, melalui beberapa siri bengkel dan acara.

Salah satu bengkel pertama, yang akan diadakan di bawah program ini ialah Bengkel The Kasturi Stand, iaitu Bengkel Bimbingan Keusahawanan untuk kanak-kanak yang berumur 7 hingga 12 tahun.

Kidpreneurs ini akan didaftarkan

dalam kempen, terdiri daripada empat bengkel secara maya bersama mentor daripada peniaga tempatan.

"Kami inginkan sesuatu yang menyeronokkan, namun memberikan makna untuk menyemai semangat inovasi dan keusahawanan pada usia awal muda."

"Melalui bengkel Kasturi Stand ini, kami berharap untuk memperkenalkan kepada kanak-kanak seawal tujuh tahun tentang pengetahuan dan kemahiran juga memberi mereka keyakinan dan sokongan untuk menyatakan idea-idea juga membantu mereka merealisasikan impian mereka menjadi pengusaha mikro yang matang," kata Ketua Pegawai Pemasaran BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar.

"Sebagai rakan kongsi dalam kemajuan, salah satu matlamat kami di BIBD adalah sentiasa menyokong kepelbagaian ekonomi

negara dengan memudahkan pembangunan dan pertumbuhan *startup* dan perusahaan mikro.

"Melalui SME360, contohnya, kami menyediakan penyelesaian perbankan komprehensif yang disesuaikan dengan SMEs, yang merupakan sebahagian daripada aspirasi kami untuk memupuk usahawan masa depan," tambah beliau.

Bengkel Kasturi Stand ini akan menampilkan mentor-mentor daripada Mindtrex Academy; Enevo; The Young Entrepreneurs Association of Brunei; juga Ricardos and Melito.

Mentor-mentor ini akan memberikan panduan kepada setiap peserta melalui proses membangunkan, melaksanakan dan memasarkan idea perniagaan mereka.

Idea yang menarik akan mendapat dana *kickstarter*, berjumlah BND200 untuk memulakan perniagaan mereka, yang kemudiannya akan disediakan kepada orang ramai melalui platform pasaran

Community of Brunei.

Penyertaan bagi Bengkel The Kasturi Stand akan dibukakan hingga 13 Disember ini, untuk kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun dengan pembayaran sebanyak BND35 setiap seorang.

Peserta mempunyai pilihan

sama ada bekerja secara individual atau secara berkumpulan, seramai tiga orang dalam satu kumpulan. Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran adalah melalui www.communityforbrunei.com/product/the-kasturi-stand/.

SALURAN TELEGRAM GOV.BN



Dapatkan maklumat terkini mengenai situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam melalui saluran Telegram GOV.BN <https://t.me/govbnoofficial> atau imbas kod QR

www.gov.bn | gov.bn@egc.gov.bn | @govbn | facebook.com/govbrunei | @gov_bn

Pemenang Kempen Top Up & Win terima hadiah



SEGMENT Management Retention, Jeffery Lee (kanan) menyampaikan hadiah kepada Mohammad Nur Ali Salleh bin Mohammad Ramli (kiri), yang memenangi cabutan bertuah pada Kempen Top-Up & Win di sepanjang November.

■ Siaran Akhbar dan Foto: Progresif Sdn. Bhd.

SERIA, Sabtu, 11 Disember. - Mohammad Nur Ali Salleh bin Mohammad Ramli, 16 tahun memenangi cabutan bertuah

pada Kempen Top-Up & Win di sepanjang November, dengan menambah nilai minimum BND10, anjuran Progresif,

dengan membawa pulang sebuah telefon bimbit jenama iPhone 13, baru-baru ini.

Segment Management Retention, Jeffery Lee menyampaikan hadiah tersebut, yang berlangsung di Kedai Progresif, Seria.

"Mengutamakan keinginan pelanggan merupakan matlamat kami dalam kempen ini dan semasa *one-month* kempen ini, kami melihat kemasukan penyertaan daripada pelanggan kami dan kami sangat senang melihatnya. Terima kasih kepada yang terus menyokong Progresif dan nilai yang kami perjuangkan," kata Jeffery Lee.

Sementara itu, sepanjang Disember ini, Progresif memberikan data percuma kepada pelanggan yang menukar ke Progresif.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang diskaun dan promosi-promosi melalui media sosial Instagram dan Facebook Progresif atau layari laman sesawang, www.progresif.com.

KESAN kongsi teknik kemahiran berfikir, perancangan strategik

■ Siaran Akhbar : Persatuan Kemajuan Insan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) meneruskan Siri 'Employability' mereka, dengan Webinar selama dua hari, bertajuk 'Critical Thinking and Strategic Planning', yang diadakan pada 3 dan 5 Disember lalu.

Ketua program, Nur Fadzliah binti Ishak menegaskan, sebagai pencari kerja, kemahiran berfikir kritikal dan perancangan strategik adalah penting bagi meningkatkan kadar kejayaan lulus pengambilan kerja.

Hari pertama Webinar bersama Pengasas MY Actions for SDGs, Nurul Hadina Haji Alias selaku penceramah jemputan, memfokuskan kepada kemahiran berfikir kritikal dan cara mengaplikasikannya di tempat kerja juga kehidupan seharian.

Nurul Hadina menyatakan, bahawa kemahiran berfikir secara kritikal pada dasarnya, melibatkan persoalan apa, mengapa dan bagaimana mengikut topik yang dibincangkan.

Beliau juga, turut menengahkan beberapa strategi utama tentang cara menulis dan bercakap secara kritikal.

Manakala pada hari kedua Webinar bersama Pengasas CoveredByAnissa, Nisa Masir selaku penceramah jemputan, memfokuskan pada kepentingan perancangan strategik dan peralatan / teknik, yang digunakan dalam perancangan strategik.

Bagi membantu melaksanakan strategik dan peralatan yang dipelajari semasa sesi tersebut, aktiviti, seperti latihan sesi temu duga dan perbincangan perancangan strategik dijalankan.

Bengkel itu dihadiri 40 peserta daripada pelbagai institusi tinggi, pencari kerja, Ahli Jawatankuasa KESAN dan kakitangan sektor awam dan swasta yang ingin meningkatkan kemahiran insaniah mereka.

Seorang pencari kerja, Nur Amani Syahirah binti Shahrul Aminan, 19 tahun, mengongsikan, bahawa Webinar itu membantunya memahami kaedah dan langkah pemikiran kritikal yang berbeza, yang boleh beliau gunakan dalam membaca, menulis juga bertutur.

Sebagai pelajar yang melanjutkan pengajian dalam peringkat Sarjana, Abd. Wafiy bin Haji Mahari menyatakan, bahawa Webinar itu mengajarnya cara merancang secara strategik untuk matlamat masa hadapan.

Webinar tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif Persatuan KESAN untuk membantu mencapai matlamat Brunei Wawasan 2035, melahirkan insan yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berprestasi.

Mereka yang berminat untuk menyertai program akan datang, bolehlah melayari laman Instagram Persatuan KESAN untuk maklumat lanjut.

Kesalahan **melebihi jumlah had kapasiti yang dibenarkan di premis atau majlis keramaian** – yang mana had yang dikenakan adalah termasuk pekerja perkhidmatan seperti pekerja catering dan jawatankuasa penganjur

DENDA
\$5000
BAGI SETIAP KESALAHAN

dikenakan kepada **pemilik** atau **pengurus premis**; atau **penganjur acara**

FASA
PERALIHAN



MAJLIS Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kapok, Mukim Serasa buat julung kalinya diadakan secara pandu lalu (*drive-thru*) bertempat di Sekolah Rendah Kapok, Jalan Kapok Kanan, Kampung Kapok, Mukim Serasa, untuk pengundian menggunakan kaedah tablet (*offline voting*) dan kertas undi (*ballot papers*) (atas dan bawah kanan).

SERASA, Ahad, 12 Disember. - Penduduk Kampung Kapok, Mukim Serasa keluar mengundi hari ini bagi memilih calon ketua kampung yang akan menjadi pemimpin dan peneraju pembangunan kampung berkenaan.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kapok, Mukim Serasa buat julung kalinya telah diadakan secara pandu lalu (*drive-thru*) bertempat di Sekolah Rendah Kapok, Jalan Kapok Kanan, Kampung Kapok, Mukim Serasa, untuk pengundian menggunakan kaedah tablet (*offline voting*) dan kertas undi (*ballot papers*).

Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada 10 Disember hingga 12 Disember 2021 sehingga jam 11.00 pagi semasa hari Majlis Pengundian dan Pencalonan.

Calon tunggal yang layak bagi mengisi kekosongan jawatan

Ketua Kampung Kapok ialah Awang Shahminan bin Haji Abd Rahman berusia 49 tahun pada tarikh pencalonan dibuka pada tahun 2018 dan ketika ini bertugas sebagai Mandur di Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Awang Shahminan merupakan Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kapok dan Mukim Serasa yang sekarang bergiat aktif dalam aktiviti yang dijalankan oleh MPK berkenaan. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Kejiranan Kampung Kapok dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kapok.

Pada majlis tersebut, seramai 359 orang penduduk yang berdaftar hadir mengundi calon untuk mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Kapok, di mana daripada jumlah tersebut, 245 orang bersetuju dan 108 orang tidak bersetuju, manakala

PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KAMPUNG KAPOK

sebanyak enam undi rosak.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abd. Karim dalam ucapannya menjelaskan, ketua kampung mestilah mempunyai perwatakan dan kewibawaan yang tinggi, di mana selaku pemimpin masyarakat setempat, ketua kampung hendaklah mempunyai beberapa ciri-ciri khusus antara lainnya, amanah, adil, berakhlak, bersikap sabar dan pemaaf, berilmu, bersikap *as-siddiq* (benar), mempunyai kemampuan dan kekuatan (kesihatan) dan banyak lagi untuk memimpin dan mencapai hasrat serta wawasan ke arah membangunkan dan memajukan Kampung Kapok, Mukim Serasa.

"Sememangnya untuk mencapai kesemua ini memerlukan adunan dari segi kerjasama, sokongan kuat serta perpaduan, kesefahaman dan permuafakatan masyarakat kampung yang berterusan, ditambah lagi dengan adanya corak kepimpinan yang baik dan bijaksana daripada ketua kampung dan sokongan Ahli-ahli Jawatankuasa MPK dalam mentadbir kampung dan masyarakat yang bermastautin di kampung berkenaan," terangnya.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman yang juga Ketua Kampung Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong dan juga Pemangku Penghulu Mukim Serasa, Penolong Pegawai Daerah, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pemangku-pemangku Ketua Kampung Mukim Serasa serta pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Keputusan pengundian dan pemilihan calon Ketua Kampung Kapok ini akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tata tertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

Sementara itu, Majlis

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Pengundian dan Pemilihan Ketua Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu yang seterusnya akan diadakan pada Ahad, 19 Disember 2021 bertempat di Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampung Menunggol.

Oleh yang demikian, penduduk-penduduk Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di Kampung Menunggol serta berumur tidak kurang 18 tahun (pada tarikh pengundian) adalah dialu-alukan

untuk mendaftar sebagai pengundi ke Pemangku Ketua Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu iaitu Awang Yusup bin Mohammad beralamat No. 171, Kampung Menunggol atau ke Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, mulai tarikh pendaftaran dibuka pada Rabu, 8 Disember 2021 hingga hari Ahad, 19 Disember 2021.

Penduduk-penduduk kampung juga boleh mendaftar untuk mengundi pada Ahad, 19 Disember 2021 mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi iaitu semasa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung diadakan.

MAJLIS Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kapok, Mukim Serasa buat julung kalinya telah diadakan secara pandu lalu (*drive-thru*) bertempat di Sekolah Rendah Kapok, Jalan Kapok Kanan, Kampung Kapok, Mukim Serasa, untuk pengundian menggunakan kaedah tablet (*offline voting*) dan kertas undi (*ballot papers*).

CALON tunggal yang layak bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Kapok ialah Awang Shahminan bin Haji Abd Rahman berusia 49 tahun pada tarikh pencalonan dibuka pada tahun 2018 dan ketika ini bertugas sebagai Mandur di Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.



Undi, pilih calon Ketua Kampung Menunggol, 19 Disember

Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Disember. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara sukacita ingin memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu akan diadakan pada Ahad, 19 Disember 2021 bertempat di Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol Kluster 1 bermula pada jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Menunggol akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara pandu lalu (*drive-thru*) bagi penggunaan tablet dan *ballot papers* pada 19 Disember 2021.

Manakala kaedah seterusnya iaitu melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibuka melalui aplikasi e-Undi PMKK mulai 17 hingga 19 Disember 2021.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (Jabatan Daerah Brunei dan Muara).

Manakala bagi pendaftaran menggunakan tablet akan ditutup pendaftarannya pada Sabtu, 18 Disember 2021 dan bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui aplikasi e-Undi PMKK.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.

MAJLIS Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu akan diadakan pada Ahad, 19 Disember 2021 bertempat di Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol Kluster 1 bermula pada jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

MAJLIS Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Menunggol akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara pandu lalu (*drive-thru*) bagi penggunaan tablet dan *ballot papers* pada 19 Disember 2021.

KAEDAH seterusnya iaitu melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibuka melalui aplikasi e-Undi PMKK mulai 17 hingga 19 Disember 2021.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tingkat Keazaman Hadapi Tahun Baharu'. Tarikh Tutup : 15 Disember 2021
2. 'Kekal Aktif, Jalani Kehidupan Norma Baharu'. Tarikh Tutup : 22 Disember 2021
3. 'Membanteras Penyeludupan Rentas Sempadan'. Tarikh Tutup : 29 Disember 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2021 / SH-17

**TAWARAN BAGI
THE PREPARATION FOR THE
IMPLEMENTATION OF ISO / IEC
27001:2013 INFORMATION
SECURITY MANAGEMENT
SYSTEM (ISMS) FOR BRUNEI
DARUSSALAM
METEOROLOGICAL
DEPARTMENT**

Tarikh Tutup :
Rabu, 29 Disember 2021
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga :
KKBS / OBBD / F-004 (08-2021)

Tajuk Sebut Harga :
RE-QUOTATION REPAINTING
WORKS FOR OUTWARD
BOUND BRUNEI DARUSSALAM
(OBBD) BATANG DURI



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JPI / 4 / 2021

Tajuk :
LEASING OF ONE (1) UNIT
4-WHEEL DRIVE DOUBLE CAB
MOTOR VEHICLE FOR THE
PERIOD OF SIXTY (60)
MONTHS, DEPARTMENT OF
FISHERIES

Tarikh Tutup :
4 Januari 2022

Jam Tutup :
2.00 Petang



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga :
31 / DBP / SH / 2021-2022

Nama Dokumen Sebut Harga :
REPAIR WORKS TO DEWAN
BAHASA DAN PUSTAKA FLAT
AT BLOCK EF23 KAMPUNG
BERIBI, GADONG, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

**Harga Bayaran
Borang Sebut Harga :**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
21 Disember 2021



**CAMP TEMBURONG,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**Tarikh Akhir
Mengambil Borang :**
21 Disember 2021
(Selasa)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
23 Disember 2021
Jam 2.00 Petang (Khamis)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**PEMBERITAHUAN IKLAN
LANJUTAN TARIKH TUTUP**

JABATAN KERJA RAYA

Bilangan :
JKR / DOR / SRC 19 / 2021

Perubahan Nama Projek :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
'AIRFIELD PAVEMENT' DI
LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA BRUNEI
FASA II. / AIRFIELD PAVEMENT
REHABILITATION WORKS AT
BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT PHASE II

**Tarikh Tutup Dilanjutkan
Sehingga :**
Selasa,
11 Januari 2022,
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
PERTAHANAN**

**MAKLUMAN
PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Tawaran No. :
MINDEF / DFA / FY2021 /
DITU / TA / 08
Supply, Delivery, Installation,
Testing, Commissioning and
Documentation for Fibre Optic
for Kompeni Rekrut, Penanjong
Garison

Bayaran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa, 18 Januari 2022
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

**BAHAGIAN
PENGURUSAN ASET
KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Tawaran :
MFA/ASSET/01/2021

Tajuk Tawaran :
PERKHIDMATAN
PEMBERSIHAN BANGUNAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI BAGI TEMPOH
TIGA (3) TAHUN

**Tarikh Tutup Tawaran
Dilanjutkan Sehingga:**
Selasa,
2.00 Petang,
21 Disember 2021



**KEMENTERIAN
PERTAHANAN**

IKLAN LANJUTAN

No Tawaran :
MINDEF/DFA/FY2021/MAB/TA/04

Tajuk Tawaran :
SUPPLY OF PORTABLE LIVE
STREAMING EQUIPMENT

**Tarikh Tutup Tawaran Dilanjut-
kan Sehingga:**
Selasa,
11 Januari 2022,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0047 / 2021

Tajuk Sebut Harga :
'TO SUPPLY AND DELIVER
ARTEMIA CYST TO
AQUACULTURE RESEARCH
AND DEVELOPMENT
DIVISION, DEPARTMENT OF
FISHERIES'

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0048 / 2021

Tajuk Sebut Harga :
'KERJA-KERJA
MEMBAIKPULIH DAN MENCAT
BADAN PERAHU SECARA
MENYELURUH SERTA
MENGANTI PERALATANNYA
BAGI DUA (2) BUAH PERAHU
PERONDA JABATAN
PERIKANAN'

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0049 / 2021



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0054 / 2021

Tajuk Sebut Harga :
TO PROVIDE TECHNICAL
SERVICE FOR FISHERY
PRODUCTS (SHRIMP MEAT) IN
COMPLIANCE TO ISO/IEC
17025 STANDARDS COMPLETE
WITH LOGO OF
ACCREDITATION BODIES
(SMM, SAC SINGLAS, UKAS)
ON TEST RESULTS REPORTS

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0055 / 2021

Tajuk Sebut Harga :
TO SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION AND
COMMISSIONING OF WATER
QUALITY MONITORING
EQUIPMENT AND



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Bilangan Sebut Harga :
05 / 2021 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING
AND COMMISSIONING
OF CAT6 UTP NETWORK
CABLING AND RELATED
HARDWARE AT
DEPARTMENT OF TOWN
AND
COUNTRY PLANNING,
MINISTRY OF DEVELOPMENT
- 1 Lot

Bilangan Sebut Harga :
06 / 2021 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
'TRANSFER, DEPLOY
AND
INSTALL THE EXISTING
FOUR (4) UNITS OF MARINE
BOUYS OF DEPARTMENT OF
FISHERIES WITH THE
RELATED MOORING SYSTEM
TO THE DESIGNATED
ANCHORAGE AREA FOR
COMMERCIAL FISHING
VESSELS'

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 30 Disember 2021,
Jam 2.00 Petang



**ACCESSORIES,
DEPARTMENT OF FISHERIES,
SERASA**

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2021

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY, DELIVERY AND
INSTALLATION OF SINGLE
SIDED SIGN BOARDS FOR FISH
FARMING SITES,
DEPARTMENT OF FISHERIES

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat pada Khamis,
30 Disember 2021
jam 2.00 Petang.



Tajuk Sebut Harga :
THE SUPPLY, DELIVERY
OF GIS 3D ANALYST AND
ARCGIS DESKTOP STANDARD
ARCGIS PRO AT TOWN
AND
COUNTRY PLANNING
DEPARTMENT, MINISTRY OF
DEVELOPMENT - 1 Lot

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat dari
jam 10.00 Pagi pada Khamis,
23 Disember 2021





**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JPA / 1.5 / PTM(ICT-ASET) / 1 / 2021

Tajuk Tawaran :
PEMBEKALAN
DAN
PENGHANTARAN PERALATAN
ICT DUA PULUH (20) UNIT BAGI
IOS / ANDROID TABLETS



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 21 Disember 2021
jam 2.00 Tengah Hari.



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN TAWARAN
SEBUT HARGA**

Bilangan Sebut Harga :
(50) INFO / PK / K / 7
(2021-2022)

Tajuk Sebut Harga :
PERKHIDMATAN
MEMBEKALKAN
SUNGKUP MUKA
JABATAN PENERANGAN



Yuran :
Tidak dikenakan bayaran

Tarikh Tutup :
Rabu, 15 Disember 2021
Jam 11.30 Pagi



**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan Tawaran :
KKE / BTM / PROC / 2021 / 05

Tajuk Tawaran :
SEBUT HARGA BAGI
PEMBELIAN PEMBAHARUAN
SELAMA SATU TAHUN (1)
UNTUK LESEN PALO ALTO
BAGI KEGUNAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Bilangan Tawaran :
KKE / BTM / PROC / 2021 / 06

Tajuk Tawaran :
PEMBEKALAN BARANG
GUNHABIS (CONSUMABLES)
TONER MESIN MENCETAK
BAGI KEGUNAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI SELAMA SATU
(1) TAHUN

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang,
Isnin, 27 Disember 2021.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS PEMBERITAHUAN
SEBUT HARGA**

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 136 / 21-22

Tajuk Sebut Harga :
PENERBITAN RANCANGAN
EKSKLUSIF RTBGO 'SHOP2GO'
(15 EPISOD X 15 MINIT),
BAHAGIAN RANCANGAN TV,
RTB

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 137 / 21-22

Tajuk Sebut Harga :
PENERBITAN RANCANGAN
MAJALAH EKSKLUSIF
RTBGO
'1 HARI 1 MASAKAN'
EDISI RAMADAN & SYAWAL
(40 EPISOD X 15 MINIT),
BAHAGIAN RANCANGAN TV,
RTB

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 143 / 21-22

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY, DELIVER,
INSTALL, TESTING
AND
COMMISSIONING OF FIBER
OPTIC CONNECTIVITY FROM
JAME ASR MOSQUE TO ICC

**Bayaran Yuran Sebut Harga
(Termasuk E-Dokumen) :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Bayaran Yuran Sebut Harga
(Termasuk E-Dokumen) :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



**BIRO MENEGAH
RASUAH**

Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 10 / 2021 / 2022

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI SUPPLY,
INSTALL, DELIVERY & TESTING
COMMISSIONING OF SOLAR
STREET LIGHT AT BIRO
MENEGAH RASUAH,
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang, Selasa,
28 Disember 2021.



**JABATAN
PENERANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran :
ATELS / 2021 / LTK-04

**TAWARAN BAGI FLIGHT
CALIBRATION FOR AIR
NAVIGATION FACILITIES**

Tarikh Tutup :
Tidak lewat jam 2.00 Petang
pada Selasa, 21 Disember 2021



Bayaran Sebut Harga :
(Hardcopy) :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
22 Disember 2021,
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

**TAWARAN PERKHIDMATAN
BAGI SEKOLAH UGAMA
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA BAGI TEMPOH TIGA (3)
TAHUN**

DAERAH TUTONG

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 43 / 06

Nam Sekolah Ugama :
SEKOLAH UGAMA KIUDANG,
TUTONG II

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Bayaran tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Menghantar
tidak lewat pada :**
Rabu,
24 Jamadilawal 1443H / 29
Disember 2021M sebelum jam
12.00 Tengah Hari



**PEJABAT SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga :
SPA / BPK / 5 / 2021

Tajuk Sebut Harga :
SEBUT HARGA BAGI
MEMBEKALKAN
DAN
PEMASANGAN ACRYLIC
PANEL DI PEJABAT
SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM



**Bayaran Yuran / Dokumen
Sebut Harga :**
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 22 Disember 2021,
Jam 12.00 Tengah Hari

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

ARNEX 2021 TINGKAT KERJASAMA TENTERA LAUT ASEAN, RUSIA



UCAPAN alu-aluan daripada Duta Rusia ke ASEAN, Alexander A. Ivanov (kiri), manakala gambar kanan, wakil dari KDB DARUTTAQWA yang menghadiri acara tersebut secara maya.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - ASEAN-Russia Naval Exercise (ARNEX) 2021 adalah latihan tentera laut pelbagai hala di antara Negara-negara ASEAN dan Rusia buat julung kalinya, yang dirasmikan, pada 1 Disember 2021 dan berakhir, pada 3 Disember 2021.

Latihan ini dilaksanakan di perairan Indonesia, di pesisiran pantai Sumatera dan melibatkan lapan buah kapal, tiga buah helikopter juga sebuah kapal terbang pemantauan laut dari Rusia dan tujuh negara ASEAN,

iaitu Negara Brunei Darussalam (NBD); Republik Indonesia; Malaysia; Republik Kesatuan Myanmar; Republik Singapura; Kerajaan Thailand; dan Republik Sosialis Viet Nam.

ARNEX 2021 bertujuan untuk menguatkan lagi hubungan di antara ASEAN dan Rusia dan bertindak sebagai platform, dalam meningkatkan kerjasama tentera laut, membina keyakinan dan memupuk persahabatan, di semua peringkat.

Dengan tujuan itu, KDB DARUTTAQWA, diketuai oleh Komander Saiful Hazril bin Ali,

Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) bersama 58 anggota berlepas dari Pangkalan Tentera Laut Muara, NBD, bagi memulakan perjalanan selama 16 hari, dari 25 November 2021.

Sebelum pelayaran dimulakan, Majlis Perpisahan diadakan untuk KDB DARUTTAQWA, dihadiri oleh Pemerintah TLDB, Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Spry bin Haji Serudi @ Seruji; juga anggota Badan Eksekutif TLDB untuk penyerahan sumbangan yang akan disampaikan kepada Komuniti Aceh dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

KDB DARUTTAQWA telah berlabuh di pesisir pantai Sumatera Utara, Indonesia, pada 29 November 2021, di Belawan Anchorage Area dan menyertai Majlis Perasmian Latihan secara dalam talian, pada 1 Disember 2021.

Majlis tersebut juga dihadiri oleh Pemerintah Armada Pertama Tentera Nasional Indonesia - Angkatan Laut (TNI-AL), Laksamana Muda Arsyad Abdullah; Duta Rusia ke ASEAN, Alexander A. Ivanov; Duta Rusia ke Republik Indonesia, Lyudmila Vorobieva; Kapten (Laut) Wawan Trisatya Atmaja, TNI-AL, Commander Task Group (CTG) Latihan; dan Atasé Pertahanan dan Tentera Laut dari negara-negara yang terlibat.

Majlis Perasmian tersebut mengalu-alukan semua peserta

dan menekankan lagi tujuan ARNEX 2021 sebagai langkah peningkatan hubungan di antara ASEAN dan Rusia.

Sejurus selepas Majlis Perasmian, Admiral Inspection dilaksanakan oleh Pemerintah Armada Pertama TNI-AL dari KRI LEPU dan disertai oleh Duta Rusia ke Indonesia juga Atasé Pertahanan dan Tentera Laut dari negara-negara yang terlibat.

Fasa Laut ARNEX 2021 dimulakan, pada 2 Disember 2021 dan meliputi pelbagai latihan komunikasi, pengendalian kapal, operasi mencari dan menyelamatkan juga pendaratan helikopter atas kapal.

Kesemua latihan tersebut dikendalikan mengikut garis panduan dan langkah jaga-jaga bagi mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 di antara peserta.

Selain daripada KDB DARUTTAQWA, kapal-kapal yang terlibat adalah KRI I GUSTI NGURAH RAI dari TNI-AL; KD LEKIU dari Tentera Laut Diraja Malaysia; UMS KING KYAN SIT TAR dari Tentera Laut Myanmar; RSS VIGOUR dari Tentera Laut Republik Singapura; HTMS KRABURI dari Tentera Laut Diraja Thailand; LY THAI TO dari Tentera Laut Rakyat Viet Nam; dan ADM PANTELEYEV dari Tentera Laut Rusia.

Fasa Laut telah memainkan

peranan penting untuk meningkatkan aktiviti tentera laut di antara ASEAN dan Rusia.

ARNEX 2021 diakhiri dengan perpisahan belayar lalu dan ucapan daripada setiap Pegawai Pemerintah Kapal-kapal terlibat, yang mereka bersetuju, bahawa tujuan latihan telah tercapai dan setiap tentera laut terlibat mendapatkan nilai latihan yang tinggi, selain meningkatkan keyakinan di antara yang terlibat.

Semasa KDB DARUTTAQWA membuat pelayaran pulang ke NBD, KDB DARUTTAQWA melaksanakan latihan laluan (*passage exercise*) bersama RSS VIGOUR, Tentera Laut Republik Singapura, merangkumi latihan komunikasi dan Manoeuvring Exercise.

Pelayaran ini juga memberi peluang kepada TLDB untuk menyampaikan sumbangan kepada institusi Aceh, dengan KDB DARUTTAQWA berlabuh, di Pelabuhan Belawan, Medan, Indonesia, pada 4 Disember 2021.

Sumbangan daripada TLDB dipindahkan dari kapal ke jeti menggunakan kren untuk melaksanakan pemindahan tersebut tanpa interaksi fizikal.

KDB DARUTTAQWA kembali ke Pangkalan Tentera Laut Muara pada 10 Disember 2021, dengan para anggota kapal menjalani kuarantin dan ujian PCR sebagai langkah-langkah keselamatan tambahan, mengikut peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Keupayaan untuk menyertai dan melaksanakan latihan ini semasa COVID-19 masih lagi berleluasa menunjukkan daya ketahanan juga keupayaan penyesuaian yang cepat pada norma baharu yang diperlukan, demi mempertahankan dan meningkatkan hubungan juga diplomasi pertahanan.

TLDB turut berbangga atas pelaksanaan pelayaran ini dan akan terus berusaha, dalam pengekalan juga pembinaan hubungan yang baik, demi keamanan serantau ke arah misi TLDB, iaitu mempertahankan kedaulatan maritim dan integriti NBD.



KETIBAAN KDB DARUTTAQWA di pesisir pantai Sumatera Utara, Indonesia, di Belawan Anchorage Area disambut oleh anggota Tentera Nasional Indonesia.

Tip

Pendidikan



Cuba 5 aktiviti ini untuk mengisi cuti sekolah, dijamin mendapatkan hasil!

- **BELAJAR ICT** - Para pelajar boleh mengikuti kelas dalam talian, seperti Grafik, Suntingan Video, laman sesawang, Coding dan Membina Aplikasi yang boleh memberi kelebihan kepada para pelajar.
- **KEMAHIRAN Bertukang** - Para pelajar boleh mulakan, dengan menghasilkan barang-barang mudah yang berguna, seperti rak buku dan alat tulis. Kemudiannya dengan pengawasan daripada ibu bapa, para pelajar boleh mula menghasilkan barang yang lebih besar, seperti bangku, reban ayam dan sangkar burung.
- **BELAJAR Memasak** - Para pelajar boleh bermula dengan menolong ibu di dapur dengan masakan yang biasa dimasak oleh ibu. Jika berminat, teruskan lagi dengan mempelajari masakan dari buku resipi atau internet.
- **BERKEBUN** - Para pelajar juga boleh memilih, sama ada untuk menanam pokok hiasan di sekitar rumah atau menanam sayur. Jika berkebun bagi tujuan untuk makan atau dijual, pilihlah daripada jenis yang cepat membesar dan memerlukan tempoh yang singkat untuk mengeluarkan hasil.
- **BERNIAGA Dalam Talian** - Ini juga merupakan aktiviti yang menarik dilakukan semasa cuti sekolah. Bagi para pelajar yang berminat mencari duit tambahan, inilah masa yang paling sesuai. Namun begitu, pastikan jualan atau produk yang dijual adalah selamat dan tidak menyalahi undang-undang. Dapatkan kebenaran ibu bapa terlebih dahulu.

LENGKAPKAN DIRI DENGAN KEMAHIRAN HOLISTIK



PROGRAM temu bual 'Secawan Kopi Sejuta Bicara' Siri Keempat menampilkan Dayang Joanna Kwan Pei Yun.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Ahad, 12 Disember. - Rasa ingin tahu, berani mencuba dan tidak memikirkan kegagalan merupakan antara faktor terbesar yang menjadikan Dayang Kwan Pei Yun dikenali sebagai seorang guru dan penggiat seni yang banyak menyumbang kepada pembangunan belia dalam pembelajaran dan aktiviti seni.

Beliau yang lebih mesra dipanggil Joanna Kwan merupakan artis bagi program temu bual 'Secawan Kopi Sejuta Bicara' Siri Keempat anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang diadakan secara maya.

Dayang Joanna Kwan Pei Yun merupakan penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia 2021, yang diberikan kepada pemimpin muda belia cemerlang mengemblemkan orang-orang bawahan kepada kebaikan.

Program tersebut mendengarkan titik awal

penglibatan Dayang Joanna dalam seni persembahan, selain mengimbangkan tugas hariannya sebagai seorang pendidik di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), dan sukarelawan dengan Brunei English Language Teacher's Association (BELTA).

Selain mendidik, beliau juga merupakan seorang Jurulatih Kanan (Pelatih) dalam Program Kejurulatihan Literasi dan Numerasi Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam; penerbit, pelakon dan pengarah kesenian teater serta pejuang belia dalam membina karakter dan keyakinan, dalam memupuk kemahiran kepimpinan dan komunikasi belia.

Dalam bidang teater, Dayang Joanna ialah Pengerusi Brunei Amateur Dramatic Society (BADS) pada tahun 2014 dan Naib Pengerusi bagi tempoh 2017 hingga 2021 bagi membimbing generasi baharu peminat teater di



DAYANG Joanna Kwan Pei Yun merupakan seorang pendidik dan seorang penggiat seni persembahan di Negara Brunei Darussalam dan merupakan penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia 2021.

negara ini.

Dayang Joanna juga berkhidmat sebagai pengerusi pertubuhan SEEDS Brunei, sebuah organisasi dengan matlamat membimbing perkembangan para belia bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran holistik, mempromosikan kepimpinan, akauntabiliti dan kreativiti melalui penggunaan teater dan aktiviti-aktiviti kreatif lain sebagai alat pendidikan.

Dengan harian yang penuh dengan aktiviti, ia agak mencabar untuk memilih keutamaan antara kerja dan minat, namun bagi Dayang Joanna yang juga merupakan seorang Guru Drama di Kementerian Pendidikan, seni persembahan menjadi salah satu tugas yang dapat digabungkan

dengan kerjayanya.

Menyentuh mengenai kejayaan, Dayang Joanna berpendapat kejayaan itu berlainan bagi setiap orang dan tidak beranggapan bahawa kegagalan itu sesuatu perkara yang buruk, terutama dalam suasana pembelajaran dalam kelas.

"Untuk menjadi seorang yang berjaya, kita perlu menjalani satu proses, sama seperti kita belajar sendiri. Saya juga takut gagal tetapi saya selalu rasa ingin tahu, dan ingin selalu mencuba."

"Tebalkan muka saja dan jangan fikirkanannya, asalkan kita cuba melakukan yang terbaik," katanya sambil menasihatkan sebagaimana kecil pun perkara itu, kita pastikan kita buat yang

terbaik.

Sesi tersebut juga menerima maklum balas dan soalan daripada penonton yang hadir menyaksikan program tersebut, antaranya ingin mengetahui bagaimana mengimbangi pembelajaran dengan aktiviti ko-kurikulum dan cabaran mengadaptasi pembelajaran dalam talian semasa pandemik ini.

Sebagai penutup, Dayang Joanna memberikan kata-kata perangsang kepada sesiapa yang ingin mencuba sesuatu, walaupun tiada bakat tetapi bakat tersebut dapat diasuh dengan usaha dan minat dan mencuba perkara baharu itu akan menjadikan seseorang itu berubah kepada versi yang lebih baik jika tidak berputus asa.

Kegiatan penyeludupan tumpas



SEMUA barang tegahan dan penemuan peralatan dadah diserahkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Biro Kawalan Narkotik bagi siasatan lanjut (kiri), manakala gambar kanan, adegan kejar-mengejar dan berakhir dengan kejadian kemalangan melibatkan kenderaan suspek.

TEMBURONG, Ahad, 12 Disember. - Sebuah kenderaan mencurigakan telah bertindak memecut laju melarikan diri sejurus menyedari akan kehadiran pihak polis.

Insiden seterusnya diikuti dengan adegan kejar-mengejar dan berakhir dengan kejadian kemalangan melibatkan kenderaan suspek.

Kegiatan berkenaan terbongkar

berikutan pemantauan yang dilakukan di kawasan penurunan perahu Kampung Meniup, Daerah Temburong pada 11 Disember 2021 sekitar jam 7.36 malam.

Menurut siasatan awal yang dijalankan, semasa kejadian tersebut keanggotaan Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sedang giat menjalankan rondaan

rutin pencegahan jenayah lalu mendapati seorang individu (suspek) sedang memunggah barangan daripada sebuah perahu ke dalam kenderaan suspek.

Kemudian, suspek segera memasuki kenderaan dan melarikan diri bersama dua orang penumpang di dalamnya.

Suspek telah melakukan pemanduan yang berbahaya

di sepanjang pemanduan dari Kampung Bokok sehingga Ke Kampung Sibulu mengakibatkan hilang kawalan lalu merempuh pagar besi keselamatan jalan raya. Kesemua suspek dalam keadaan stabil dan tidak cedera.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut telah menemukan sejumlah 96 botol dan 347 tin minuman keras pelbagai



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

jenama. Di samping itu juga, penemuan beberapa peralatan dipercayai digunakan untuk penyalahgunaan dadah juga turut dirampas bagi siasatan.

Suspek (pemandu) merupakan seorang lelaki warganegara tempatan berumur 47 tahun, manakala dua orang suspek (penumpang) lagi adalah perempuan warganegara tempatan yang berumur 36 dan 41 tahun.

Kesemua barang tegahan dan penemuan peralatan dadah diserahkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dan Biro Kawalan Narkotik (BKN) bagi siasatan lanjut.

PPDB akan meningkatkan kekerapan rondaan dan pemeriksaan rambang di kawasan zon panas bagi memastikan negara bebas daripada jenayah rentas sempadan.

Di samping itu, PPDB juga mengingatkan kepada masyarakat agar memainkan peranan sewajarnya sebagai mata dan telinga pihak berkuasa dengan tampil atau mengongsikan membuat laporan jika mengesan aktiviti dan individu yang mencurigakan di kawasan mereka.

DIDIK ANAK JADI PRODUKTIF



ANTARA yang menyertai Bengkel Meluankan Masa Bersama Ibu Bapa dan Anak-Anak, yang diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Lebih kurang 80 peserta, terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah, ibu bapa, guru-guru dan orang ramai menyertai Bengkel Meluankan Masa Bersama Ibu Bapa dan

Anak-Anak, yang diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom, hari ini.

Penganjuran bengkel bersempena dengan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2021 dan sebagai salah satu aktiviti cuti

persekolahan itu juga disiarkan secara langsung melalui saluran YouTube, Brunei Youth Council.

Bengkel anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), dengan kerjasama Majlis Belia Brunei juga

■ **LEBIH** kurang 80 peserta terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah, ibu bapa, guru-guru dan orang ramai menyertai Bengkel Meluankan Masa Bersama Ibu Bapa dan Anak-Anak, yang diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom, hari ini.

■ **BENGKEL** ini merupakan aktiviti interaktif yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim juga komunikasi di antara ibu bapa dan anak-anak agar dapat meluankan masa bersama, terutama pada musim cuti persekolahan.

■ **IA** juga merupakan satu dorongan kepada ibu bapa dan anak-anak untuk berada di rumah juga mengisi masa lapang dengan membuat perkara yang berfaedah semasa penularan pandemik COVID-19.

mengisikan aktiviti tunjuk cara membuat Kuih Rice Krispie Treat.

Tunjuk cara tersebut dikendalikan oleh Pegawai Kaunselor, Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Pengiran Hajah Fatriah binti Pengiran Haji Bujang selaku Fasilitator Bengkel dan ditemani oleh anak beliau.

Turut hadir pada bengkel tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari selaku Yang Di-Pertua Majlis Belia Brunei.

Aktiviti tersebut turut disertai oleh tiga peserta daripada kalangan ibu bapa bersama pasangan anak mereka, diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif SMARTER Brunei, Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah @ Didi; Ketua Jabatan Lukisan Maktab Sains Paduka Seri

Begawan Sultan, Dayang Siti Nur Hazwanie binti Haji Abdul Wahab; dan Pegawai Pendidikan, Jabatan Psikologi, Pusat Tingkatan Enam Meragang, Dayang Nur Hafizah binti Azmin.

Bengkel ini merupakan aktiviti interaktif yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim juga komunikasi di antara ibu bapa dan anak-anak agar dapat meluankan masa bersama, terutama pada musim cuti persekolahan.

la juga merupakan satu dorongan kepada ibu bapa dan anak-anak untuk berada di rumah juga mengisi masa lapang dengan membuat perkara yang berfaedah semasa penularan pandemik COVID-19.

Dengan mengadakan aktiviti seumpama ini juga dapat meningkatkan pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak.

Salurkan maklumat sejarah secara maya



Galeri Pameran

Selamat datang ke Pameran Maya Pusat Sejarah Brunei

Awda boleh menekan/klik gambar untuk melayari pameran secara maya/virtual



Galeri Koleksi Manuskrip Borneo



Galeri Sejarah Awal Hubungan Brunei dengan Negara Luar



Galeri Sejarah Brunei Tua



Galeri Perlembagaan Negeri Brunei 1959



Galeri Era Kegemilangan Brunei



Galeri Salasilah



Pameran 3D Kaligrafi Nama-Nama Sultan Brunei



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Infografik : Pusat Sejarah Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Lawatan Secara Maya Galeri Pusat Sejarah Brunei (PSB) merupakan salah satu pendekatan PSB, dalam menyalurkan maklumat dan info sejarah secara maya, iaitu melalui e-Pameran yang boleh dilayari pada Laman Sesawang PSB.

Pameran secara maya atau e-Pameran ini disasarkan kepada semua golongan masyarakat, terutama sekali kepada pengkaji dan pencinta sejarah tanah air.

Antara tajuk e-Pameran yang boleh diterokai, terdiri daripada e-Pameran Salasilah; e-Pameran Koleksi Manuskrip Borneo; e-Pameran Sejarah Awal Brunei Tua; e-Pameran Era Kegemilangan Brunei; e-Pameran Sejarah Awal Hubungan Brunei dengan Negeri Luar; dan e-Pameran Perlembagaan

Negeri Brunei 1959.

Pengunjung-pengunjung hanya perlu melayari Laman Sesawang PSB, www.history-centre.gov.bn

dan menekan Galeri Pameran. Pengunjung juga boleh menyaksikan pameran sejarah dengan melayari laman sesawang tersebut, di mana sahaja mereka berada.

Objektif utama e-Pameran atau lawatan secara maya galeri pameran PSB diadakan adalah untuk menyebarluaskan lagi ilmu atau info sejarah Negara Brunei Darussalam kepada masyarakat, bukan sahaja di dalam negeri, malah di luar negara.

Di samping itu, ditambah lagi dengan penularan wabak COVID-19 yang menyebabkan banyak aktiviti fizikal diberhentikan bagi membendung penularannya, menyebabkan usaha atau idea bagi menghasilkan *virtual* pameran ini diaktifkan lagi.

PSB juga berharap agar para pengunjung mendapat manfaat, di samping dapat menambah ilmu pengetahuan, terutama sekali tentang sejarah tanah air sendiri.





'Hak Awda, Peranan Awda : Katakan Tidak Pada Rasuah'

Rencana dan Foto : Biro Mencegah Rasuah

HARI Anti Rasuah Antarabangsa, yang disambut 9 Disember, setiap tahun, adalah bagi Memperingati Tarikh Deklarasi 'United Nations Convention Against Corruption' (UNCAC). Negara Brunei Darussalam (NBD) menandatangani konvensyen UNCAC, pada 11 Disember 2003 bersama 95 buah negara lain, di Merida, Mexico dan pada 2 Disember 2008, NBD telah meratifikasikannya.

Tema sambutan pada tahun ini ialah 'Your Right, Your Role : Say No to Corruption' atau 'Hak Awda, Peranan Awda : Katakan Tidak Pada Rasuah', yang menekankan hak dan peranan juga tanggungjawab setiap individu, termasuk kerajaan, penjawat awam, penguatkuasa undang-undang, wakil media, sektor swasta, masyarakat sivil, para akademik, masyarakat dan belia, dalam sama-sama membanteras jenayah rasuah juga menegakkan integriti.

Komitmen NBD dalam usaha menentang rasuah

Komitmen NBD dalam usaha menentang rasuah dapat dilihat melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara Kali Ke-19, pada 12 Disember 1981, yang antara lain isi kandungan titah tersebut ialah :

"...beta dengan setegas-tegasnya menekankan, bahawa sikap 'Jujur' dan 'Amanah' itu hendaklah dipupuk berlandaskan ajaran-ajaran agama Islam, yakni, beta sama sekali menegah pegawai-pegawai dalam kerajaan beta mengamalkan apa jua bentuk 'Corruption' atau 'Rasuah'. InsyaaAllah, beta akan mengambil 'tindakan tegas' pada mencegah sebarang rupa bentuk rasuah, dalam kalangan pegawai-pegawai, di dalam kerajaan beta..."

Dari titah tersebut, jelas memperlihatkan hasrat dan komitmen negara, dalam menentang rasuah, di mana baginda menekankan, sikap nilai-nilai murni perlu ada pada setiap pegawai juga kakitangan kerajaan dan baginda menegah apa jua bentuk rasuah juga tindakan tegas akan diambil mengenainya.

Komitmen negara, dalam menentang rasuah adalah sentiasa berterusan dan dapat dilihat melalui beberapa titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang menyentuh mengenai bahaya rasuah juga seruan baginda agar sentiasa menjalankan tugas dengan penuh integriti; kajian semula dan pindaan ke atas undang-undang dari semasa ke semasa berkaitan dengan kesalahan rasuah, dengan tujuan untuk memastikan kandungan undang-undang tersebut adalah terkini juga masih relevan; dan langkah pencegahan juga pembanteras rasuah, yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR).

Penubuhan BMR

BMR adalah sebuah agensi penguatkuasa undang-undang yang bertanggungjawab dalam menangani kesalahan rasuah, di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 di NBD.

Ia ditubuhkan pada 1 Februari 1982 selepas penggubalan Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981, pada 1 Januari 1982. Penggubalan Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981 dikuatkuasakan berikutan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Perasmian Majlis Mesyuarat Negara, pada 12 Disember 1981, yang antara lain menekankan, bahawa baginda menegah pegawai kerajaan baginda mengamalkan apa jua bentuk rasuah dan tindakan tegas akan diambil bagi mencegah rasuah dalam kalangan pegawai kerajaan baginda.

Apabila NBD mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, Perintah Darurat Pencegahan Rasuah telah ditukar ke Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131. Penubuhan BMR ini jelas menunjukkan, bahawa kerajaan amat mengambil berat dan serius tentang jenayah rasuah agar tidak berleluasa, di NBD.

Fungsi BMR

BMR menjalankan tugas dan tanggungjawab yang dimandatkan oleh kerajaan melalui dua fungsi, iaitu Penyiasatan dan Pencegahan, di bawah bab 4A Akta Pencegahan Rasuah Penggal 131.

Sebagai sebuah jabatan penguatkuasa undang-undang, BMR diberi kuasa, di bawah Bab 19 Akta Pencegahan Rasuah untuk menjalankan siasatan ke atas kesalahan-kesalahan, di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131; prescribed offences Bab 165, Bab 213 - Bab 215 dari Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22; menyiasat kesalahan, di bawah undang-undang yang berkaitan kes-kes Pembersihan Wang Haram (Money Laundering), di bawah Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah 2012 (Criminal Assets Recovery Order); dan mana-mana *seizable offence*, di bawah mana-mana undang-undang berkanun yang didedahkan semasa menjalankan penyiasatan kes rasuah.

Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 juga memperuntukkan kuasa pegawai-pegawai BMR dalam menjalankan siasatan kesalahan-kesalahan, di bawah akta ini, seperti membuat pengeledahan dan merampas bahan bukti, menahan subjek selama 48 jam, mengambil keterangan subjek dan saksi dan melepaskan subjek di bawah ikat jamin. Di bawah Bab 37 Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, Pegawai-pegawai BMR telah diberi kuasa untuk menjalankan siasatan ke atas kesalahan rasuah, yang dilakukan oleh warga NBD, di luar negeri.

Selaras dengan Bab 4A (f) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, selain daripada menjalankan tugas penyiasatan, pegawai BMR juga diberi mandat untuk menjalankan tugas pencegahan dan pendidikan pencegahan rasuah.

Dalam usaha untuk menyebarkan dan meningkatkan kesedaran juga kefahaman orang ramai tentang bahaya jenayah rasuah dengan berkesan, BMR melaksanakan pelbagai inisiatif dan pendekatan, meliputi semua golongan masyarakat; tahap umur juga sektor pekerjaan.

Taklimat Pencegahan Rasuah disampaikan kepada orang ramai, sama ada yang bekerja bersama sektor awam mahupun swasta juga badan awam. Isi kandungan taklimat menerangkan kesalahan-kesalahan, di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, dengan tujuan agar peserta taklimat mengetahui

perbuatan yang boleh menjurus pada kesalahan jenayah rasuah dan mencegah diri mereka daripada berbuat demikian.

Bagi penuntut sekolah pula, BMR mengambil pendekatan, dengan memperkenalkan Pendidikan Pencegahan Rasuah pada tahun 2006. Kolaborasi di antara BMR dengan Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Beraja mengintegrasikan Pendidikan Pencegahan Rasuah ke dalam kurikulum kebangsaan dan diterapkan ke dalam subjek Melayu Islam Beraja. Pendidikan Pencegahan Rasuah ini merangkumi semua tahap pengajian, iaitu sekolah rendah; menengah dan institusi pengajian tinggi.

Selain daripada menyampaikan taklimat dan pendidikan pencegahan rasuah, BMR juga membukakan pelbagai peraduan untuk penyertaan orang ramai, dengan objektif untuk melibatkan penyertaan orang ramai, dalam sama-sama membanteras rasuah. Peraduan ini juga diadakan dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan, seperti Forum Pelajar; Peraduan Pidato, Peraduan Koir Sekolah-sekolah; Peraduan Menulis dan Membaca Khutbah Jumaat; dan Peraduan Melukis Poster Anti-Rasuah.

Malah, Taklimat Pencegahan Rasuah kepada sektor awam dan swasta secara maya, turut diadakan pada situasi negara dilanda pandemik COVID-19.

Definisi rasuah

Tidak ada definisi khusus untuk 'rasuah'. Bagi sesetengah organisasi dan agensi pencegahan rasuah, jenayah rasuah, termasuklah suapan, ganjaran, salah guna kuasa, penyelewengan wang, pecah amanah, kronisme dan favoritisme.

Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 tidak mempunyai definisi khusus untuk rasuah, tetapi memberi penerangan dan contoh tentang suapan, seperti yang terkandung di bawah Bab 2 Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131. Rasuah secara umumnya suatu perbuatan memberi atau menerima sebarang bentuk suapan sama ada dalam bentuk wang atau bukan wang sebagai imbalan atau ganjaran bagi melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan bidang tugas seseorang itu.

Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131

Antara kesalahan-kesalahan yang dinyatakan, di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 ialah Memperoleh atau meminta rasuah; Menawarkan atau memberi atau menjanjikan rasuah; Menghadapkan dokumen atau resit atau tuntutan yang diketahuinya mengandungi keterangan tidak benar; Penjawat awam memiliki harta atau kekayaan yang tidak sepadan dengan pendapatannya dan tidak terjawab; juga Salah laku dalam Perkhidmatan Awam.

Hukuman maksima bagi kesalahan-kesalahan ini adalah denda BND30,000.00 dan penjara tujuh tahun.

Inisiatif, pencapaian BMR dalam menentang rasuah tahun 2021

Pelbagai inisiatif dan pendekatan telah diambil dan dilaksanakan oleh BMR, dalam usaha menentang rasuah di NBD, dari mula ia ditubuhkan pada tahun 1982. Sesuai dengan peredaran masa dan kemajuan teknologi, BMR sentiasa memastikan kaedah yang digunakan dalam menjalankan tugas penyiasatan juga pencegahan adalah berkesan dan terkini bagi menangani jenayah rasuah yang semakin complicated.

Sehubungan itu, BMR sentiasa melengkapkan Pegawai-pegawai BMR dengan pengetahuan juga kemahiran dengan memberi latihan dan kursus yang bersesuaian di dalam juga di luar negeri.

Bagi jumlah aduan dan maklumat pula, sebanyak 143 aduan juga maklumat yang BMR terima, mulai Januari hingga 4 Disember 2021. Semua aduan dan maklumat yang diterima akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Menilai Aduan bagi menilai isi kandungan aduan juga tindakan bersesuaian akan diambil, seperti membuka kertas penyiasatan, membuat rujukan kepada kementerian, membuat kertas penilaian prosedur dan lain-lain.

Dengan adanya aduan juga maklumat yang dilaporkan kepada BMR, ini menunjukkan kerjasama di antara orang ramai bersama BMR, dalam sama-sama menentang dan membanteras rasuah di NBD.

Dari sudut kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa, sebanyak 14 mesyuarat disertai oleh BMR secara maya. Pada Selasa 30 November 2021, BMR mempengerusikan Mesyuarat Ketua-ketua Agensi Anti-Rasuah ASEAN-PAC Kali Ke-17 secara maya, bertemakan 'ASEAN-PAC - Enhancing Anti-Corruption Strategies in the Fight Against Corruption for Regional Peace, Security and Prosperity'. Sebanyak 10 agensi anti rasuah dari 10 buah Negara ASEAN, sama-sama berkongsi pengalaman, pengetahuan dan teknik terkini yang mereka gunakan, dalam menjalankan tugas penyiasatan dan pencegahan, pada ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

Dengan penglibatan BMR dalam mesyuarat yang diadakan di peringkat serantau juga antarabangsa, jelas menunjukkan komitmen BMR, dalam usaha menentang rasuah. BMR berpeluang mempelajari pengetahuan dan teknik juga pendekatan terkini, yang dijalankan oleh agensi-agensi pencegahan rasuah, di peringkat serantau dan antarabangsa, dalam inisiatif menentang juga mencegah rasuah.

Peranan orang ramai dalam menentang rasuah

Tugas membanteras dan mencegah rasuah ini memang bukanlah satu tugas yang mudah juga sangat mencabar. Namun, ia bukanlah penghalang kepada orang ramai untuk bersama-sama BMR, dalam membanteras dan mencegah rasuah. BMR percaya, bahawa dengan adanya kerjasama juga penglibatan orang ramai, ia boleh membantu pelaksanaan tugas membanteras dan mencegah rasuah dengan lebih kerkesan lagi.

Dalam hal ini, setiap golongan masyarakat atau sektor di negara ini boleh memainkan peranan masing-masing, dalam membantu BMR membanteras dan mencegah rasuah.

Orang ramai diseru agar sama-sama membanteras rasuah di negara ini, dengan menjalankan peranan awda sebagai rakyat yang mendukung hasrat kerajaan dalam menjadikan NBD sebuah negara yang bebas daripada rasuah dengan mengamalkan budaya kerja berintegriti; mematuhi peraturan dan undang-undang; tidak terlibat dengan rasuah; juga melaporkan rasuah.

Sebarang laporan atau maklumat jenayah rasuah boleh dilaporkan ke BMR menerusi talian +673 2381113 atau +673 2381114 atau talian pegawai bertugas, +673 8721002 atau +673 8130002 atau emel ke info.bmr@acb.gov.bn atau laman sesawang, www.bmr.gov.bn.

CABAR DIRI DENGAN AKTIVITI INTERAKTIF



PELABOHAN dan Dermaga Kastam Diraja Brunei antara nama tempat yang dipaparkan dalam aktiviti interaktif 'Melancong ke Perpustakaan', anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka sempena Festival Disember Brunei 2021.


■ Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 11 Disember. - Nama bangunan-bangunan bersejarah, seperti Istana Sugara, Istana Banderung Kayangan dan Masjid Marbut Pak Tunggal mungkin kedengaran asing bagi sesetengah kita.

Oleh itu, Perpustakaan

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Muara memperkenalkan bangunan tersebut dalam aktiviti interaktif 'Melancong ke Perpustakaan' secara maya.

Pautan ke aktiviti tersebut boleh didapati di Instagram, @perpustakaandbpsb dengan



PELBAGAI template aktiviti disediakan oleh pengendali 'Melancong ke Perpustakaan', seperti Maze Chase, berupa permainan untuk mendapatkan jawapan yang betul berdasarkan gambar yang diberikan.

mengimbas Kod QR yang tertera pada poster 'Bangunan-Bangunan Bersejarah di Brunei Darussalam'.

Sebanyak 30 keping gambar bangunan dan tempat bersejarah di Negara Brunei Darussalam, antaranya telah musnah, dipaparkan untuk dijawab oleh orang ramai, menggunakan beberapa

template aktiviti menyeronokkan, selain mencabar pengetahuan masing-masing.

Selain daripada soalan aneka pilihan (*multiple choice*), kuiz tersebut juga diadakan secara Gameshow Quiz, yang

menggunakan had masa; Image Quiz, iaitu imej didedahkan perlahan-lahan untuk dikenal pasti; *match up*, iaitu memadankan gambar dengan nama bangunan, Word Search dan Maze Chase, yang berupa permainan seperti Pac-Man.

Jadual Aktiviti Melancong ke Perpustakaan akan berlangsung hingga 20 Disember dan akan dikendalikan oleh unit dan Perpustakaan DBP cawangan, di seluruh negara dengan aktiviti yang lain.

Maklumat mengenainya boleh didapati di Instagram @dpbbrunei atau Laman Sesawang, www.dbp.gov.bn.

Aktiviti diadakan sebagai salah satu pengisian bagi memeriahkan Festival Disember Brunei (Brunei December Festival - BDF) 2021 yang bertepatan dengan cuti persekolahan. Pelbagai aktiviti secara maya disediakan untuk disertai oleh orang ramai bagi mengisi masa lapang, yang hanya memerlukan sambungan ke dalam talian.

Program Perantisan i-Ready tingkatan kebolehpasaran graduan

■ Siaran Akhbar : Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Sejak Program Perantisan i-Ready bermula pada tahun 2017, lebih 5,000 perantis berdaftar ke dalam program ini dan hingga kini, kira-kira 1,500 perantis memperoleh pekerjaan sepenuh masa, dengan organisasi yang mengambil bahagian, dalam Program Perantisan i-Ready atau di tempat lain.

Dalam kenyataan daripada bekas Perantis i-Ready, yang berjaya memperoleh pekerjaan dalam industri Minyak dan Gas, selepas menamatkan Program Perantisan i-Ready menyatakan, bahawa i-Ready membantu menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja profesional juga mendedahkan dirinya dengan kemahiran yang diperlukan, seperti disiplin kerja, cara menangani perbincangan yang sukar dan kerja berpasukan.

Sementara itu, seorang lagi bekas Perantis i-Ready yang berjaya mendapat pekerjaan, dalam industri telekomunikasi selepas menamatkan Program Perantisan i-Ready dalam industri Pembuatan, Awang Abdul Qawiy bin Abdul Razak menyatakan, "Dalam situasi sekarang, terutamanya semasa pandemik ini, mencari pekerjaan tetap adalah sukar.

"Dengan Program Perantisan i-Ready ini, ia membolehkan saya menimba pengalaman dan pendedahan yang saya perlukan untuk memulakan kerjaya. Program ini membolehkan saya belajar sebanyak mungkin dalam

industri dengan menggunakan pengetahuan teori dan dapat mengaplikasikannya, di bahagian teknikal kerja," ujar beliau baru-baru ini.

Di samping itu, tambah beliau, program ini memberikan pemahaman yang lebih tentang apa yang dipelajari semasa zaman universiti, yang seterusnya boleh mengembangkan kemahiran yang berbeza, pada masa ini dan membantu untuk berkembang dalam kerjaya.

"Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada JobCentre Brunei (JCB) kerana memberi peluang untuk bekerja dan menimba pengalaman berharga semasa program ini, yang telah membantu saya mendapatkan pekerjaan tetap," tambah Awang Abdul Qawiy.

Program Perantisan i-Ready adalah salah satu inisiatif, di bawah Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC) melalui JCB untuk mengembangkan kemahiran tempatan dan membina keupayaan mereka.

Ia merupakan program selama 18 bulan, yang membolehkan para graduan yang belum bekerja, memperoleh pengalaman bekerja yang sebenar dan kemahiran bekerja, sekali gus membantu mereka menjadi lebih *industry ready*, boleh dipasarkan dan berdaya saing dalam pasaran kerja.

Semasa Program Perantisan i-Ready mula dilancarkan, pada

2017, ia hanya dibukakan kepada para Graduan Sarjana Muda dan ke atas. Walau bagaimanapun, pada Mei 2020, program ini dibukakan kepada para Graduan HND dan TVET. Semua Perantis i-Ready akan diberikan elaun yang dibiayai kerajaan sepanjang program tersebut. Selain itu, bagi perantis di sektor swasta, elaun juga akan ditambah, yang disediakan oleh organisasi tersebut, mulai bulan ke-11 dan seterusnya.

Program ini juga menawarkan banyak faedah kepada syarikat yang mengambil bahagian. Organisasi yang mengambil bahagian akan dapat mengenal pasti pekerja berpotensi dan menyumbang ke arah membina keupayaan tempatan.

Malah, lebih 800 buah syarikat dalam sektor swasta menyertai Program Perantisan i-Ready, menjadikan mereka perekrut dan jurulatih utama kepada Perantis i-Ready.

"JCB telah memberi peluang kepada sebilangan besar graduan tempatan untuk mendapatkan pekerjaan, di Brunei Fertilizer Industries (BFI) dan ia memudahkan kami untuk berhubung bersama pencari kerja dengan berkesan.

"Tambahan pula, pelaksanaan dan kerjasama daripada JCB sentiasa memberi sokongan juga kerjasama. BFI gembira atas inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan baharu tempatan dan untuk semua pencari kerja. Kami berharap untuk terus bekerjasama bersama JCB, pada masa hadapan," menurut BFI.

Sementara itu, UBD Corporations Sdn. Bhd. turut

2 pekerja lari daripada majikan



MOHAMMAD Anisur Rahman, pemegang pasport BQ0148177 (kiri); dan Shahin Khan, pemegang pasport BL0864097 (kanan) yang lari daripada majikan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

LIMAU MANIS, Sabtu, 11 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan dua pekerja lelaki, warganegara Bangladesh, yang lari daripada majikan.

Dua pekerja tersebut ialah Shahin Khan, 36 tahun memegang pasport BL0864097; dan Mohammad Anisur Rahman, 35 tahun, memegang pasport BQ0148177.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Muara, menerusi talian +673 2770140 dan Balai Polis Limau Manis, Daerah Polis Brunei dan Muara, menerusi talian +673 2683035 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.

mengongsikan, di mana mereka mengambil tujuh Perantis i-Ready dan empat daripada mereka telah memasuki bulan ke-14.

Program ini, menurut UBD Corporations Sdn. Bhd., merupakan program yang cemerlang untuk mendedahkan dan melatih para pencari kerja agar bersedia menghadapi persekitaran kerja yang sebenar dan untuk mendapatkan pengalaman kerja.

"Ia juga membantu mengurangkan kadar

pengangguran di Negara Brunei Darussalam. JCB juga memudahkan proses pengiklanan dan pengambilan pemohon," tambah UBD Corporations Sdn. Bhd. lagi.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Perantisan i-Ready dan cara memohon, orang ramai boleh menghubungi melalui e-mel ke iredady.demand@jpm.gov.bn atau Hotline, +673 8239933, iaitu dari Isnin hingga Khamis dan Sabtu, mulai jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang).

WASPADA DENGAN PENGGODAM WHATSAPP

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Memandangkan komunikasi melalui aplikasi WhatsApp digunakan secara meluas oleh berjuta-juta orang, pada hari ini, penyerang (*attackers*) mengambil peluang untuk menggodam atau menipu pengguna melalui aplikasi tersebut.

Selain itu, teknologi moden memudahkan penyerang berpura-pura menjadi sesiapa sahaja untuk menipu pengguna di WhatsApp.

Sehubungan itu, Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT), menganjurkan Webinar awam bertajuk 'Is Whatsapp Safe?' secara maya melalui Zoom, baru-baru ini, disampaikan oleh Jurulatih Kesedaran Keselamatan Siber, Dayang Siti Khadijah binti Haji Ismail.

Menurut Dayang Siti Khadijah, penggunaan aplikasi WhatsApp di Negara Brunei Darussalam adalah yang paling tertinggi, iaitu sebanyak 94.6 peratus, diikuti aplikasi Telegram, iaitu sebanyak

30.5 peratus dan aplikasi WeChat sebanyak 19.5 peratus.

Beliau turut mengongsikan platform-platform dalam talian, yang digunakan bagi tujuan pembelajaran dan Bekerja Dari Rumah (Work From Home), di mana WhatsApp lebih kerap digunakan, iaitu sebanyak 91 peratus; Zoom sebanyak 73 peratus; dan Microsoft Teams sebanyak 70 peratus.

Lain-lain platform yang digunakan, termasuk Microsoft Outlook, YouTube, Telegram, Google Classroom, Google Meet, Skype, Canvas, Cisco Webex, Edmodo dan ClassDojo.

Juga dikongsikan semasa webinar tersebut, tetapan (*settings*) untuk privasi dan *encryption* aplikasi WhatsApp, juga apa yang perlu dilakukan jika sekiranya menghadapi *web stalker* dan menerima mesej-mesej yang tidak dikehendaki (*unwanted messages*).

Perkara-perkara yang patut dilakukan dan tidak patut dilakukan (*do's and don'ts*) dalam WhatsApp Group Chat turut

dikongsikan, antaranya meminta izin terlebih dahulu sebelum memasukkan pengguna lain ke dalam *group* WhatsApp, juga memastikan mereka membenarkan nombor mereka dikongsikan bersama pengguna lain.

Selain itu, jangan memasukkan seseorang pada *group* WhatsApp, jika awda memperoleh nombor mereka daripada sumber yang tidak diketahui, juga jangan balas mesej *spam*.

Orang ramai yang berhadapan dengan insiden sekuriti siber, boleh terus melaporkan ke BruCERT melalui e-mel reporting@brucert.org.bn atau menghubungi menerusi talian +673 2458001 atau WhatsApp ke +673 7170766.

Webinar, seterusnya bertajuk 'How To Protect Your Phone & The Data In It', akan diadakan pada Jumaat, 17 Disember 2021, bermula 2.30 petang, juga melalui aplikasi Zoom.

Pendaftaran bagi Webinar tersebut, boleh didapati melalui pautan, bit.ly/howtoprotectyourphone.

Jaga adab berkomunikasi di laman sosial

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Sabtu, 11 Disember. - *Netiquette* merupakan *portmanteau* net dan 'etika' merujuk pada penggunaan kesopanan ketika berkomunikasi bersama orang lain di dalam kehidupan alam maya.

Dalam Era Revolusi Industri 4.0 ini, menyaksikan penggunaan teknologi semakin berkembang dengan pesat dan pantas juga mengambil alih peranan manusia secara konvensional, dalam menjalani kehidupan mereka seharian.

Penggunaan komunikasi secara maya juga digunakan dalam talian bagi mereka yang bekerja atau bersosial. Semasa berkomunikasi di alam maya, pelbagai pandangan masyarakat yang diutarakan, kadang kala ada yang berunsur positif mahupun negatif.

Tetapi, yang paling penting dalam berkomunikasi di alam maya ini ialah menjaga budi bahasa sesama pengguna yang lain. Dalam pada itu, bahasa merupakan satu alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia di antara seseorang individu bersama individu yang lain.

Bahasa juga boleh diertikan sebagai percakapan yang baik, tingkah laku yang baik, sopan santun dan seumpamanya. Kita sering mendengar beberapa ungkapan yang menyatakan, seperti 'Bahasa Menunjukkan Bangsa' dan 'Bahasa Jiwa Bangsa'.

Dengan mempunyai budi pekerti dan akhlak yang mulia, seperti bersopan santun, berbudi bahasa, *berawar galat*, berlemah lembut dan seumpamanya, kita harus kekalkan budi bahasa walaupun berada di alam maya.

Ciri-ciri ini adalah bertepatan dengan ajaran agama Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah Al-Ahzab, ayat 70, tafsirnya, "Wahai orang-orang yang beriman! bertakwalah kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang benar".

Dalam aspek yang lain pula, pengguna di alam maya perlu menghormati privasi seseorang. Jika didapati rakan atau keluarga yang lupa *log* keluar e-mel atau akaun sosial media mereka, jangan sesekali membaca atau membuka e-mel dan akaun sosial mereka kerana ia bukan milik kita, itu adalah hak peribadi mereka yang perlu dijaga.

Penggunaan bahasa juga memainkan peranan penting dalam menjaga adab semasa berkomunikasi di alam maya. Para pengguna adalah digalakkan untuk menggunakan bahasa yang sopan apabila berkomunikasi di alam maya kerana ia boleh mencegah dari mendatangkan kesalahfahaman dan konflik sesama pengguna.

Bahasa yang sopan mencerminkan keprihatinan dan budi bahasa pengguna. Elakkan daripada menggunakan perkataan yang bengis juga tidak wajar kerana ia akan mendatangkan masalah kepada para pengguna.

Orang awam boleh didenda, di bawah Seksyen 19 Kesalahan Kecil Penggal 30, jika individu menggunakan perkataan yang tidak senonoh atau kata kesat dan sebagainya jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman denda sebanyak BND500.

Selain itu, para pengguna di alam maya juga perlu memeriksa fakta sebelum menghantar atau menyebarkan kepada orang lain. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengabaikan mesej berantai dan jika menerimanya, segera hapuskan.

Langkah berjaga-jaga yang perlu diambil untuk tetap selamat dalam talian adalah mengesahkan kandungan mesej sebelum menekan apa jua fail media atau pautan yang diterima.

Seterusnya, periksa mesej tersebut dari sumber lain yang boleh dipercayai; jangan kongsikan mesej jika tidak pasti, walaupun mesej dikongsi berkali-kali; dan jika sekiranya kita mengetahui sesuatu mesej yang tidak benar, maklumkan kepada pengirim juga ingatkan mereka untuk mengesahkan maklumat sebelum mengongsikan mesej tersebut.


Sentiasa periksa fakta dan yang paling mustahak dengan mencari fakta juga periksa laman berita yang sahih lagi dipercayai untuk kepastian dari mana asal sumbernya.

Di bawah Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang, sama ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, menyebabkan ketenteraman awam terganggu, boleh dipenjarakan tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000.

■ PENGGUNAAN komunikasi secara maya juga digunakan dalam talian bagi mereka yang bekerja atau bersosial. Semasa berkomunikasi di alam maya, pelbagai pandangan masyarakat yang diutarakan kadang kala ada yang berunsur positif mahupun negatif.

■ PENGGUNAAN bahasa juga memainkan peranan penting dalam menjaga adab semasa berkomunikasi di alam maya. Para pengguna adalah digalakkan untuk menggunakan bahasa yang sopan apabila berkomunikasi di alam maya kerana ia boleh mencegah dari mendatangkan kesalahfahaman dan konflik sesama pengguna.

Kenali permainan tradisi Tilu-Tilan



PEGAWAI Perkhidmatan Pelajaran, Awang Haji Mahrin bin Haji Abas semasa Program Kenali Permainan Tradisi Kitani, iaitu Tilu-Tilan secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom Meeting.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Jabatan Muzium-Muzium

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Tilu-Tilan merupakan permainan daripada Puak Kedayan di Negara Brunei Darussalam dan dimainkan oleh golongan kanak-kanak mahupun golongan dewasa dengan menggunakan biji buah Kembang atau biji buah Merut.

Pegawai Perkhidmatan Pelajaran, Awang Haji Mahrin bin Haji Abas semasa Program Kenali Permainan Tradisi Kitani, iaitu Tilu-Tilan secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom Meeting, hari ini, menjelaskan, bahawa objektif permainan Tilu-Tilan ini adalah untuk memenangi buah yang paling banyak.

Menurut Awang Haji Mahrin lagi, permainan ini dimainkan oleh empat orang pemain. Setiap pemain diberikan nama masing-masing, iaitu Tilu, Tilan, Gulimang dan Bangkung melalui cabutan undi.

Semasa permainan dimulakan, katanya, setiap pemain akan diberikan buah permainan, iaitu biji buah Kembang yang telah dibersihkan dan dibahagikan kepada pemain-pemain dengan sama rata.


Pemain akan memilih jumlah buah yang akan dimainkan dan sesudah itu, pemain-pemain mengumpulkan buah tersebut lalu mengira dengan menggunakan nama-nama Tilu, Tilan, Gulimang dan Bangkung.

Nama yang disebut semasa buah terakhir adalah yang akan dapat kesemua buah yang dikumpulkan tersebut.

Jika pemain telah kehabisan buah, maka secara langsung akan terkeluar daripada permainan ini. Permainan akan diteruskan hingga hanya ada seorang pemenang sahaja yang memenangi permainan ini.

Selain memperkenalkan permainan tradisi ini, Jabatan Muzium-Muzium Brunei juga mengadakan aktiviti-aktiviti lain bersempena dengan Festival Disember Brunei atau Brunei December Festival (BDF) 2021 dan pada 12, 13 dan 14 Disember, Jabatan Muzium-Muzium mengalu-alukan orang ramai untuk mengikuti Kenali Arkeologi yang akan diadakan secara dalam talian nanti.

DIDIK DIRI AGAR TIDAK TERJEBAK DENGAN DADAH



BELIA Syababul Wafa mengadakan forum secara maya, bertajuk 'Kerana Ingin Mencuba Akhirnya Menyesal', disampaikan oleh Petugas Rakan Harmoni Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Cawangan Pengawasan, Biro Kawalan Narkotik (BKN), Haji Jailani bin Haji Muhammad Said.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Belia Syababul Wafa mengadakan forum secara maya, bertajuk 'Kerana Ingin Mencuba Akhirnya Menyesal', disampaikan oleh Petugas Rakan Harmoni Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Cawangan Pengawasan, Biro Kawalan Narkotik (BKN), Haji Jailani bin Haji Muhammad Said baru-baru ini.

Antara isi forum yang disampaikan ialah mengenai memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan tentang keburukan

gejala sosial.

Menurutnya, gejala sosial bermaksud petanda yang dikaitkan dengan persahabatan atau masyarakat atau pergaulan dan aktiviti masa lapang yang kebiasaannya dikaitkan dengan pelbagai perkara yang negatif.

"Akibat gejala sosial daripada tingkat permulaan hingga paling teruk adalah seseorang akan mula menyembunyikan tingkah negatif yang dilakukannya terhadap orang yang terdekat, seperti keluarga. Apabila diketahui, keluarga tidak menerimanya. Selepas itu,

kumpulan yang menerima hanya tinggal kawan yang negatif.

"Tekanan bermain di kepala seorang itu dan dia akan rasai perasaan yang tidak menentu. Lalu, cabang gejala sosial yang lebih luas akan terbuka. Dia merasakan kalau mencuba satu tidak akan berlaku apa-apa. Akhirnya, dia pun terjerumus melakukannya berulang kali dan akhirnya kehidupan seorang itu akan hancur," jelasnya.

Beliau, seterusnya menjelaskan, dengan ciri-ciri kawan tidak baik, ini adalah berpunca dari jauh dengan kehidupan beragama Islam, permusuhan bersama ibu bapa dan keluarganya. Jika dua ini

tidak elok, antara ciri-ciri ini boleh dilihat.

Tambahnya, ciri-ciri itu ialah mereka mengabaikan tanggungjawab, sering mendatangkan masalah kepada orang lain, sering melanggar peraturan dan rasa bangga dengannya, tidak memiliki keperibadian yang baik, tergantung dengan pemikiran, tidak memiliki disiplin dan beretika, bahkan tidak dapat menguruskan dirinya sendiri.

"Cara-cara menolak dengan baik terhadap kawan yang kurang baik, iaitu dengan dibagikan kepada dua. Pertama ialah 'menawarkan'. Cara yang terbaik ialah menyibukkan diri dengan perkara yang bermanfaat tanpa meninggalkan solat fardu. Seseorang itu perlu mempunyai jadual tersendiri dan harus mematuhi apa yang telah dirancangnya. Dengan sendiri, kes ini dengan sendirinya boleh dihindarkan. Lebih-lebih lagi jadual sendiri ialah bagi mencapai matlamat hidup dan impian.

"Manakala kedua ialah sudah nampak daripada 'ciri-ciri' seseorang itu. Caranya ialah memastikan untuk tidak duduk lama bersamanya. Jika orang itu adalah yang kita sayangi, gunakan percakapan yang berhikmah agar tidak menyakitkan hati orang itu. Lalu, bawa dia kembali ke jalan yang betul," ujarnya.

Beliau juga mengongsikan cara

bagaimana jika diri sendiri atau sahabat sudah terlanjur dengan gejala sosial seperti dadah. Jika diri sendiri, kesedaran perlu ditimbulkan yang perbuatan itu adalah salah. Lalu memasang niat untuk mengubah haluan kepada jalan yang lebih baik. Selain itu, diri sendiri hendaklah menjauhkan diri daripada pergaulan dengan kawan-kawan yang membawa kepada negatif.

Beliau, seterusnya berkata, apabila kawan yang terjerumus, keadaan terbahagi kepada dua, iaitu kes yang lembut dan kasar. Untuk peringatan dalam menegur, kondisi seseorang itu hendaklah di dalam keadaan yang baik dan tidak boleh berseorangan.

"Ini adalah untuk keselamatan diri, juga jika diri yang ditangkap. Jika yang lembut ialah orang itu masih dapat mengawal dirinya. Pujuk dia untuk kembali ke jalan yang betul. Tetapi, jangan sesekali memujuknya ketika dia menggunakan bahan yang terlarang. Ini disebabkan dia tidak dapat mengawal dirinya. Tindakan demikian umpama kita bercakap dengan orang yang koma.

"Tahap teruk ialah apabila seseorang yang terjerumus itu mulai berani bertengkar dan mengancam. Jika kes ini boleh disaksikan, segera hubungi pihak BKN bagi tindakan selanjutnya," jelasnya lagi.

Ubaya-ubaya, jadikan amalan seharian kitani

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - Perkataan yang sering dikaitkan dengan memberi perhatian penuh dalam melakukan sesuatu ialah *ubaya-ubaya* yang juga memberi maksud berhati-hati atau beringat-ingat.

Sikap *ubaya-ubaya* adalah sangat penting dalam diri seseorang, dari segi perbuatan, lisan dan sebagainya juga pada masa ini, ia sangat ditekankan kepada semua, lebih-lebih lagi semasa penularan wabak COVID-19.

Penekanan ini, bukan hanya tertumpu dalam penjagaan kebersihan diri atau penjarakan sosial, namun juga penting dalam penyebaran maklumat-maklumat palsu dan sebagainya.

Dayang Hajah Siti Roziah binti Haji Abd. Razak dari Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong ketika ditemu bual baru-baru ini menjelaskan, sikap *ubaya-ubaya*, bukan sahaja penting semasa musim COVID-19 ini, tetapi ia perlu menjadi amalan harian kita agar perbuatan mahupun perkataan kita sentiasa terpelihara.

"Antara yang sering ditekankan ialah *ubaya-ubaya*, jangan menyebarkan berita yang belum tahu kebenarannya. Selain itu, penekanan *ubaya-ubaya* juga penting dalam beberapa perkara lain, seperti *ubaya-ubaya* ketika memandu kereta, lebih-lebih lagi pada masa ini keadaan cuaca tidak menentu, seperti hujan lebat, jalan raya licin dan sebagainya," ujarnya.

Apa yang penting lagi, tambah, *ubaya-ubaya* meninggalkan kanak-kanak di dalam kereta yang boleh mengundang pelbagai kejadian buruk yang akan berlaku.

Beliau menambah, jadilah orang yang bertanggungjawab juga terus bekerjasama bagi membantu mencegah dan membendung penularan wabak COVID-19.

Justeru itu, marilah kita sama-sama bermuhasabah diri agar kita dapat berusaha menjaga setiap tingkah laku dan tutur kata kita juga menjadikan amalan sikap *ubaya-ubaya* dalam diri masing-masing.


Sehubungan itu, orang ramai pada ketika ini perlu mengamalkan sikap *ubaya-ubaya* ketika keluar rumah dan ikutilah segala peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, dalam sama-sama berganding bahu mencegah penularan wabak COVID-19.

Di samping itu, *ubaya-ubaya* juga jika menerima maklumat-maklumat yang diragui kesahihannya atau berita palsu. Jika tidak pasti, jangan disebarkan.

Bagi ibu bapa yang berminat untuk mendaftarkan anak mereka bagi menyertai program pada Jumaat hadapan, bolehlah

menghubungi Al-Minhaaj Centre menerusi talian +673 8826836 dan yuran penyertaan adalah BND6, bagi setiap satu kelas.

Pastikan bacaan selawat lebih sempurna



PROGRAM anjuran Al-Minhaaj Centre ini, akan berlangsung setiap Jumaat, bermula dari jam 8.00 pagi hingga 9.00 pagi, pada setiap minggu, sepanjang musim cuti persekolahan ini.

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Disember. - 'Melentur buluh biarlah daripada rebung' menjadi falsafah penting dalam pendidikan, termasuk mewujudkan rasa cinta dan kasih kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Usaha menanam, menyemai dan menyuburkan perasaan itu, juga perlu dilakukan melalui

kaedah bersesuaian, dengan tahap usia mereka.

Klinik Selawat for Kids merupakan satu Program sempena Cuti Persekolahan Penggal Akhir bagi Disember, yang bermula dari 1 Disember 2021 hingga 2 Januari 2022.

Program anjuran Al-Minhaaj Centre ini, akan berlangsung setiap Jumaat, bermula dari jam 8.00 pagi hingga 9.00 pagi, pada

setiap minggu, sepanjang musim cuti persekolahan ini.

Sehubungan itu, program yang bermula kelmarin itu, dikendalikan oleh tiga tenaga pengajar, dari pusat berkenaan, diketuai oleh Penolong Pengarah Al-Minhaaj Centre, Dayang Nasriah binti Ruslan.

Program tersebut disertai oleh lebih daripada 10 peserta, terdiri daripada kanak-kanak, yang berumur 4 hingga 18 tahun.

Objektif program adalah untuk membantu ibu bapa dalam memastikan bacaan Selawat, dalam kalangan anak-anak untuk menjadi lebih sempurna.

Sifat dan naluri kanak-kanak yang suka pada hiburan boleh dijadikan manfaat atau kelebihan kepada proses mendedahkan mereka dengan insan istimewa itu.

Kanak-kanak sukakan hiburan dan boleh menghafal lagu dengan mudah. Oleh itu, kita kembali ke konsep kesenian untuk memperkenalkan anak kecil dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Antaranya, mengajarkan Selawat, seperti kita membiasakan mereka dengan lagu kanak-kanak lain. Walaupun mereka belum faham, mereka tetap gembira menyanyikan lagu itu.

Ini kerana perasaan seronok berselawat apabila dibiasakan akan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam hati kanak-kanak.

AS TIDAK BERHASRAT HANTAR TENTERA KE UKRAINE



WASHINGTON, 12 Dis. - Washington tidak pernah merancang untuk menghantar tentera ke Ukraine, tetapi memberi amaran akan bertindak jika berlaku sebarang pencerobohan, kata Presiden Joe Biden.

"Perkara itu tidak pernah dibincangkan," kata Biden kepada pemberita pada Sabtu.

Jika Rusia memutuskan untuk menyerang Ukraine, Amerika Syarikat (AS) akan meningkatkan kehadiran tenteranya dan Moscow perlu berdepan apa jua kesannya kelak dari segi imejnya di peringkat dunia serta ekonomi, lapor

Sputnik

"Saya telah katakan dengan jelas kepada Presiden Putin ... bahawa jika ambil sebarang tindakan di Ukraine, ekonominya akan musnah," kata Biden.

Jurucakap Kremlin, Dmitry Peskov, memberitahu saluran televisyen Greek ANT1 pada Sabtu Rusia tidak merancang untuk melakukan apa jua serangan serangan ke atas Ukraine.

Peskov turut mengkritik tindakan Turki menjual dronnya kepada Ukraine.

Presiden Vladimir Putin pada Selasa membuat panggilan telefon

kepada Biden, membincangkan mengenai dakwaan tentera Rusia telah dikerahkan ke kawasan berhampiran sempadan Ukraine.

Sejak beberapa minggu lepas, Kiev dan beberapa negara Barat menuduh Moscow menempatkan tenteranya berhampiran sempadan dengan Ukraine.

Moscow, berulang kali menafikan tuduhan itu dan menyatakan Barat mahu menggunakannya sebagai alasan untuk menempatkan peralatan tentera NATO berhampiran sempadan Rusia.

Jabatan Negara AS pada Sabtu

memaklumkan Penolong Setiausaha Biro Hal Ehwal Eropah dan Eurasia, Karen Donfried, akan melawat Moscow dan Kiev pada 13 hingga 15 Dis, dan kemudian

akan bertemu wakil Kesatuan Eropah (EU) di Brussels untuk membincangkan penyelesaian diplomatik berhubung situasi Ukraine. - ©BERNAMA

Korban akibat puting beliung di Kentucky, AS mungkin cecah 100 orang

ANKARA, 12 Dis. - Angka korban akibat puting beliung yang melanda Kentucky, Amerika Syarikat mungkin meragut sehingga 100 nyawa, kata gabenor negeri itu, Andy Beshear.

Beliau berkata kawasan itu seperti sudah "hancur, menyaksikan Mayfield antara bandar paling teruk terjejas.

Bencana itu turut menyebabkan bumbung sebuah kilang lilin roboh mengakibatkan banyak kematian, katanya lapor Anadolu.

Terdahulu, beliau berkata sekurang-kurangnya 50 orang dipercayai maut akibat puting beliung itu.

Sementara itu, Beshear

mengisytiharkan darurat dan meminta Presiden untuk mengumumkan darurat persekutuan dengan segera.

Menurut gabenor, seramai 181 pengawal negara telah dikerahkan ke zon terjejas untuk melakukan operasi mencari dan menyelamatkan serta kerja-kerja pembersihan. - ©BERNAMA

Keberkesanan vaksin Sputnik V terhadap Omicron diketahui dalam tempoh 10 hari

MOSCOW, 12 Dis. - Ujian mengenai keberkesanan vaksin COVID-19 Sputnik V Rusia terhadap varian Omicron akan mengambil masa 10 hari, kata Pengarah Pusat Penyelidikan Gamaleya untuk Epidemiologi dan Mikrobiologi, Alexander Gintsburg.

"Saya fikir 10 hari sudah cukup

untuk menguji keberkesanan," kata Gintsburg.

Sebelum ini, Gintsburg memberitahu Sputnik bahawa institut Gamaleya mengesahkan bahawa pesakit yang dijangkiti Omicron yang tiba di Rusia dari Afrika Selatan telah menerima suntikan vaksin.

Gintsburg berkata sebarang

keputusan untuk menggantikan vaksin sedia ada hanya akan dibuat selepas data lengkap mengenai Omicron tersedia.

Untuk menghasilkan vaksin baharu ia akan mengambil masa tidak lebih 10 hari dan prosedur kawal selia pula memerlukan antara 45 hari dan dua bulan, kata Gintsburg. - ©BERNAMA

Bahrain lapor kes pertama varian Omicron

ANKARA, 12 Dis. - Bahrain turut melaporkan kes pertama COVID-19 varian Omicron membabitkan individu yang pulang dari luar negara, menurut Twitter Kementerian Kesihatan.

Bagaimanapun, Kementerian tidak mendedahkan negara

berkenaan.

Menurut Kementerian langkah kesihatan yang perlu sudah diambil serta pesakit itu kini diasingkan dan tiada kontak rapat dalam kes itu, lapor Anadolu.

Saintis di Afrika Selatan pada 24 Nov mengumumkan penemuan

varian Omicron yang mempunyai beberapa mutasi.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia kemudian mengisytiharkan ia sebagai "varian yang membimbangkan" dan setakat ini telah dikesan di 57 negara. - ©BERNAMA

COVID-19 : China lapor 49 kes tempatan

BEIJING, 12 Dis. - China pada Sabtu melaporkan 49 kes baharu COVID-19 melibatkan penularan tempatan, menurut laporan harian suruhanjaya kesihatan.

Daripada kes tempatan baharu

itu, sebanyak 38 dilaporkan di Zhejiang, 10 di Mongolia Dalam dan satu di Heilongjiang, lapor Agensi Berita Xinhua.

Turut dilaporkan 26 kes import baharu di sembilan wilayah.

Satu kes disyaki yang dicatatkan di Shanghai melibatkan individu yang tiba dari luar China dan tiada kematian baharu akibat COVID-19 dilaporkan pada Ahad. - ©BERNAMA

Lebih 200,000 penduduk di Ontario terputus bekalan elektrik akibat angin kencang

MOSCOW, 12 Dis. - Lebih 200,000 penduduk di Ontario, Kanada terputus bekalan elektrik akibat angin kencang, lapor Sputnik, memetik syarikat janakuasa Hydro One.

"Lebih 200,000 pelanggan terputus bekalan elektrik ketika

#ONstorm melanda.

"Kami jangka pelanggan di kawasan selatan, tengah & timur ON paling teruk terjejas. Sebaik sahaja keadaan selamat, lebih ramai kru akan akan dihantar ke lokasi tejejas untuk membantu.

"Kesabaran semua sangat kami hargai," ciap Hydro One di Twitter. Kerajaan Kanada telah mengeluarkan amaran cuaca buruk di kawasan selatan wilayah itu ekoran angin kencang mencecah sehingga 90 atau 100 kilometer sejam. - ©BERNAMA

Korban nahas treler di Mexico meningkat kepada 55 orang

MEXICO CITY, 11 Dis. - Jumlah migran Amerika Tengah yang maut dalam nahas treler di Chiapas, Mexico meningkat kepada 55 orang, kata Gabenor Rutilio Escandon pada Jumaat, lapor Xinhua.

Treler membawa lebih 150 pendatang tanpa izin itu terbalik kira-kira 3.30 petang waktu tempatan pada Khamis dalam satu kejadian di lebuh raya yang menghubungkan Tuxtla Gutierrez dengan bandar Chiapa de Corzo.

"Seorang lagi mangsa meninggal dunia hari ini," kata gabenor itu di Twitter.

Penyelaras Perlindungan Awam Mexico, Laura Velazquez Alzua yang berada di lokasi kejadian memberitahu akhbar tempatan, daripada 152 migran, seramai 73 cedera dan 24 lagi tidak mengalami sebarang kecederaan.

Presiden Mexico Andres Manuel Lopez Obrador yang dukacita dengan kejadian itu berkata perlunya usaha untuk menangani punca penghijrahan besar-besaran untuk mengelakkan lebih banyak tragedi sama berulang.

Sementara itu, Menteri Luar Mexico, Marcelo Ebrard, berkata kementerian sedang berhubung dengan kerajaan negara asal migran tersebut termasuk Guatemala dan Ecuador serta beberapa lagi negara lain.

Pihak berkuasa berkata nahas itu dipercayai berpunca daripada masalah teknikal menyebabkan trak terbabas dan melanggar tembok penghadang sebelum merempuh jambatan pejalan kaki. - ©BERNAMA

4 parti sepakat bentuk kerajaan campuran di Bulgaria

SOFIA (Bulgaria), 11 Dis. - Empat parti di Bulgaria pada Jumaat sepakat untuk membentuk kerajaan campuran.

Parti Sosialis Bulgaria (BSP), Parti There is Such a People (ITN), parti Demokrat Bulgaria dan parti We Continue the Change (PP) memeterai perjanjian gabungan selepas mengadakan rundingan selama berminggu-minggu, lapor Agensi Anadolu.

Presiden Roumen Radev dijadual menyerahkan mandat kepada Perdana Menteri yang dilantik, Kiril Petkov dari parti PP pada Sabtu.

Bekas Perdana Menteri Boyko Borisov meletak jawatan pada April selepas hilang majoriti di parlimen ekoran protes antirasuah terhadap beliau dan parti GERB.

Tiada parti berjaya mendapat majoriti dalam pilihan raya pada April dan Julai.

Pada pilihan raya yang diadakan pada 14 Nov parti PP diumumkan sebagai pemenang. - ©BERNAMA

Lebih 20 negeri di AS kesan kes varian Omicron

WASHINGTON, 11 Dis. - Sekurang-kurangnya 22 negeri di Amerika Syarikat (AS) telah mengesan kes varian Omicron termasuk beberapa kes membabitkan penularan dalam komuniti, lapor Xinhua memetik laporan terkini Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) AS pada Jumaat.

Daripada 43 kes satu kemasukan ke hospital dan tiada kematian dilaporkan, menurut CDC.

Gejala paling biasa dilaporkan ialah batuk, keletihan dan hidung berair.

Siasatan yang dijalankan mendapati jangkitan membabitkan perjalanan antarabangsa dan domestik, majlis awam dan jangkitan dalam kalangan anggota keluarga.

CDC telah mengesyorkan beberapa strategi pencegahan serentak termasuk vaksinasi, ujian saringan, kuarantin dan pengasingan untuk memperlahankan penularan SARS-CoV-2, termasuk varian Omicron serta bagi mencegah penyakit yang lebih teruk dan kematian.

Kes COVID-19 pertama di AS yang dikaitkan dengan varian Omicron dikesan pada 1 Dis. - ©BERNAMA



AWANG MASRI JUARA PERTANDINGAN DBOS BEYS BEYBLADE ONLINE 64 SLOT

Siaran Akhbar dan Foto :
DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Disember. - Awang Masri bin Haji Lamit dari Ghostbeys, muncul juara Pertandingan DBos Beys Beyblade Online 64 Slot 'Battle of 38 Seconds' setelah menewaskan Amruddin bin Haji Abdi Manaf dari Jakusha Bladers, dalam Perlawanan Akhir Pertandingan Beyblade Online 64 Slot, yang diadakan secara dalam talian melalui platform Google Zoom.

Juara menerima hadiah Oven, Sungkup Muka Edisi Khas Beyblade, Kupon Penyertaan Percuma, Sijil dan Mini Hamper.

Tempat kedua dan ketiga disandang oleh Amruddin bin Haji Abdi Manaf dari Jakusha Bladers juga tempat keempat diraih oleh Pengiran Hasswandy bin Pengiran Haji Abu Bakar dari Underground Beys.


Sementara itu, pemenang suku akhir, Awang Mimi Nazwan bin Ibrahim dari Jakusha Bladers; dan Dayang Nur Ishfa Nabilah binti Haji Rosaimi dari Pasukan Ghostbeys.

Manakala hadiah khas untuk masa tepat 38.00 saat, disandang oleh Amruddin bin Abdi Manaf.

Pertandingan Beyblade Online 64 Slot (pertempuran 38 saat) ini adalah kali ketiga, diadakan melalui dalam talian, di mana peserta akan bertarung di antara satu lawan satu dari pusingan pertama, kedua, ketiga, suku akhir, separuh akhir dan peringkat akhir.

Lebih 20 pemain dari pasukan-pasukan Beyblade di negara ini, antaranya Undergroundbey (UG); Jakusha Bladers (JB); Ghostbeys (GB); dan Santai Aja Bladerz (SA) menyertainya.

Pertandingan Beyblade Online ini adalah salah satu usaha untuk memperluaskan lagi permainan Beyblade, dengan format masa pertandingan berlainan, yang dianjurkan setelah gelombang kedua melanda negara ini.



Pertandingan Beyblade Online ini adalah salah satu usaha untuk memperluaskan lagi permainan Beyblade, dengan format masa pertandingan berlainan, yang dianjurkan setelah gelombang kedua melanda negara ini.

ASEAN, FIFA jalin kerjasama perkasa peranan wanita dalam masyarakat

JAKARTA, 11 Dis. - ASEAN dengan kerjasama Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) meneroka strategi untuk menjadikan sukan bola sepak wanita sebagai pemangkin pembangunan sosial dan gaya hidup sihat bagi golongan itu.

Dasar dan program bersepadu boleh mengukuhkan kepimpinan golongan wanita dalam persekutuan dan organisasi sukan yang secara tradisinya sering didominasi lelaki, menurut jabatan komuniti sosiobudaya ASEAN.

"Usaha itu patut diterokai secara strategik untuk ASEAN memperkasakan gender," kata pengarah pembangunan kemanusiaan Rodora T. Babaran pada bengkel dalam talian ASEAN-FIFA pada 7 Dis lalu.

Beliau berkata bengkel itu diadakan susulan memorandum persefahaman (MoU) antara persatuan pada 2019.

MoU itu bertujuan meningkatkan bilangan wanita dan kanak-kanak perempuan terlibat dalam sukan, menggalakkan kepeimpinan wanita dalam sukan dan menyediakan lebih banyak ruang serta peluang dalam persekitaran yang selamat.

Beberapa petugas FIFA menyampaikan topik

merangkumi kepimpinan, komunikasi dan Wanita FIFA, bersama dengan Jessica Hutting dari Diakoneia Modern Campus Foundation di Indonesia.

Yayasan itu menjalankan aktiviti menyelamatkan kanak-kanak jalanan dan memperkasakan komuniti melalui bola sepak.

Pada bengkel itu, ketua pegawai bola sepak wanita FIFA yang juga bekas pemain kebangsaan New Zealand, Sarai Bareman turut berkongsi mengenai topik peluang luas yang ditawarkan bola sepak wanita untuk memajukan kedudukan wanita dan remaja dalam masyarakat.

Menjelang Piala Dunia Wanita FIFA Australia dan New Zealand 2023, Bareman berkata penganjur acara sukan wanita terbesar itu dapat memberi sumbangan besar terhadap pembangunan bola sepak wanita di rantau ini pada masa depan.

Lima anggota ASEAN, Indonesia, Myanmar, Filipina, Thailand dan Vietnam, akan mengambil bahagian dalam Piala Wanita Asia AFC di India antara 20 Jan hingga 6 Feb 2022.

Kejohanan itu akan menjadi gelanggang pusingan akhir kelayakan Asia untuk Piala Dunia Wanita FIFA 2023. - ©BERNAMA

MSNJ rancang anjur e-sukan Piala Menteri Besar Johor tahun depan

JOHOR BAHRU, 12 Dis. - Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) merancang untuk mengadakan pertandingan e-sukan Piala Menteri Besar awal tahun depan bagi merencanakan lagi industri e-sukan di negeri ini yang mempunyai ramai peminat dalam kalangan orang muda.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan negeri Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata perbincangan berhubung perkara itu akan diadakan dengan Menteri Besar Datuk Hasni Mohammad tidak lama lagi.

"Kita (Johor) masih baru dalam e-sukan, jadi sebagai pemangkin saya rasa kita perlu melihat kepada sukan ini untuk tarik minat orang muda, sekali gus untuk mendapatkan tajaan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penutup 'Grand Final Player Unknown's Battleground Mobile (PUBG)' Sukan Makmur XTIF Johor 2021 E-Sports, di sini, malam tadi.

Acara berlangsung secara maya anjuran MSNJ itu berjaya menarik seramai 45,045 belia melibatkan 26 kawasan Parlimen di negeri ini dengan mempertandingkan dua kategori iaitu Mobile Legends: Bang Bang dan PUBG. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERASUAH : IBADAH SEMBAHYANG, DOANYA TIDAK DITERIMA OLEH ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA